

BAB DUA

Perlindungan Keselamatan Di Bawah Pentadbiran British

Di India (1819-1867).

Kedudukan Pulau Singapura menjadi tapak Syarikat Hindia Timur Inggeris memperluaskan pengaruh mereka di Alam Melayu. Mereka melihat lokasi Singapura sebagai satu pusat yang dapat memegang laluan perdagangan antara China, Australia dan India. Dengan itu mereka telah memanfaatkan kedudukan ini untuk mencipta sebuah "*Key to the Far East*" di Kepulauan Melayu.

It is centrically situated as regards the whole command, it is within convenient distance of China, Australia and Indian Archipelago, and it commands the Straits of Malacca, and also in a great measure the Straits of Sunda".¹

Selain daripada bermotifkan keuntungan dan perdagangan, usaha ini turut bertujuan untuk memecahkan monopoli perdagangan yang diamalkan oleh Belanda serta penguasaan Sepanyol di Alam Melayu. Pada abad ke-18 yang lalu, Syarikat Hindia Timur Inggeris telah membuka Balambangan sebagai sebuah pusat perdagangan untuk menyaingi kehadiran Belanda dan Sepanyol. Balambangan memegang lokasi yang paling strategik dan menguasai perdagangan di persekitaran Kepulauan Sulu, pantai Borneo, selatan Mindanao dan pantai utara Sulawesi. Ia turut

berperanan sebagai pusat pengumpulan sumber laut dan hasil hutan serantau bagi pasaran Benua China. Namun begitu, kemunculan Balambangan sebagai pos perdagangan Syarikat Hindia Timur Inggeris ini tidak dapat bertahan lama. Balambangan telah musnah akibat serangan orang-orang Taosug. Ini bermakna Syarikat Hindia Timur Inggeris telah gagal mempertahankan sebuah pusat perdagangan di Kepulauan Sulu.²

Lantaran daripada kegagalan tersebut, mereka terus berusaha untuk mencari sebuah pos perdagangan di Kepulauan Melayu. Usaha ini telah membawa kepada pembukaan Singapura. Sebuah pelabuhan mula dibangunkan di pulau berkenaan. Untuk menjamin "pisang tidak berbuah dua kali", Syarikat Hindia Timur Inggeris telah memberikan perhatian yang khusus terhadap keselamatan Singapura. Mereka berusaha membangunkan pulau ini sebagai sebuah pelabuhan yang utama di Timur. Dalam masa yang sama, kerja-kerja pertahanan dirangka dan dibangunkan sejajar dengan perkembangan struktur dan kepentingan "pulau pelabuhan" ini demi keselamatan, kestabilan dan pertahanan. Ia bermula dari sistem pertahanan setempat diikuti dengan sistem pertahanan pulau serta perairan dan diakhiri dengan sistem pertahanan serantau. Namun demikian, semua ini berlaku di bawah perlindungan keselamatan pentadbiran British di India yang menentukan keputusan dan perbelanjaan kerja-kerja pertahanan.

Semenjak tahun 1840-an lagi, telah terdapat gesaan untuk menjadikan Singapura sebagai sebuah stesen angkatan laut Imperial yang terpenting di Timur.³ Ia turut menjadi stesen untuk membaikpulih kapal-kapal British. Di samping itu, ia menawarkan perkhidmatan pembekalan arang batu dan lain-lain kemudahan perkапalan untuk membolehkan operasi pelayaran diteruskan di lautan di sebelah Timur.⁴ Dengan arang batu, kepentingan strategik Singapura menjangkau semua peruntukan yang ditawarkan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris di India. Perkara ini telah menjadi salah satu isu utama dalam perbalahan antara pegawai-pegawai British di Singapura termasuk para pedagang Eropah dengan pentadbir di India.

Dalam erti kata lain, pemilihan Pulau Singapura sebagai lokasi bagi memperluaskan pengaruh dan dasar perdagangan bebas British di rantau ini merupakan satu langkah yang bijak. Semua pegawai dalam angkatan laut dan pertahanan Imperial serta para pedagang asing mengakui kedudukan Singapura sebagai anak kunci kepada laluan perdagangan ke Lautan China, Jawa dan India. Di samping itu, peranan Singapura sebagai pengkalan arang batu meningkatkan kepentingannya kepada Great Britain. Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak dapat meneruskan tanggungjawab mereka dalam hanya memberikan perlindungan keselamatan kepada Singapura. Singapura telah muncul

sebagai salah sebuah rangkaian stesen arang batu Imperial. Ia juga memudahkan perhubungan antara negara tersebut dengan pusat-pusat perdagangan di Timur Jauh atau *rich trading markets of the Far East*.⁵

2.1 Pelabuhan Singapura

Pelabuhan Singapura terletak di tengah-tengah jalan perdagangan di antara China dan India. Sebagaimana pelabuhan-pelabuhan lain di Asia Tenggara, aktiviti perdagangan Singapura melibatkan isu-isu keselamatan. Kawasan pelabuhannya telah diubahsuai bagi memudahkan pergerakan kapal keluar dan masuk. Ia turut menyediakan kemudahan perkapalan dan bekalan arang batu. Di samping itu, kedudukan pulau ini terlindung daripada tiupan angin yang boleh mengancam keselamatan pelayaran. Faktor-faktor ini telah menjadi mangkin kepada kejayaan Singapura untuk muncul sebagai pelabuhan entrepot yang berjaya di Kepulauan Nusantara. Kepentingan kemudahan perkapalan dan lokasi, menyebabkan pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris melaksanakan kerja-kerja pertahanan untuk menjamin keselamatan perdagangan mereka di rantau ini.

"One Free Port in these seas must eventually destroy the spell of Dutch monopoly; and what Malta is in the West, that may Singapore become in the East."⁶

Objektif utama Syarikat Hindia Timur Inggeris bukanlah

hanya tertumpu kepada pemilikan tanah jajahan. Mereka ingin menguasai laluan komunikasi dan perdagangan ke Timur. Objektif pokok mereka adalah bersifat komersial. Dengan itu, Syarikat Hindia Timur Inggeris bercita-cita menjadikan Pulau Singapura sebagai :

"a great commercial emporium, and a fulcrum whence we may extend our influence politically, as circumstances may hereafter require...."

Dalam erti kata lain, tujuan pembukaan Pulau Singapura lebih bermotifkan keuntungan dan kepentingan perdagangan. Singapura perlu dibangunkan sebagai sebuah *emporium* atau bazar yang mengumpulkan para pedagang dan barang dagangan dari pulau-pulau di Timur, India dan Eropah. Justeru itu, Pelabuhan Singapura memudahkan para pedagang dan kapal-kapal dagang mendapatkan barang dagangan yang dikehendaki tanpa perlu berurus dengan pelabuhan-pelabuhan tempatan.⁸

2.1.1 Aktiviti Perdagangan Di Pelabuhan Muara Sungai Singapura.

Apabila Syarikat Hindia Timur Inggeris memperolehi konsesi di Pulau Singapura pada tahun 1819, mereka telah bergerak pantas dengan memajukan pelabuhan muara Sungai Singapura. Para pedagang tempatan dan saudagar Eropah mula singgah di pelabuhan tersebut untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Pada peringkat awal, pelayaran kapal,

perahu dan tongkang ke Pelabuhan Singapura bergantung kepada tiupan angin. Tahap ini diklasifikasikan sebagai *square rigged vessels*. Aktiviti perdagangan antara Pelabuhan Singapura dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Siam, Kampuchea, Kochin-China, China dan India rata-rata dijalankan oleh para pedagang tempatan atau *native traders* dengan menggunakan perahu dan tongkang.⁹

Selepas dua tahun Syarikat Hindia Timur Inggeris bertapak di Pulau Singapura, mereka mula mempergiatkan kerja-kerja pembinaan gudang di muara Sungai Singapura bagi kemudahan para pedagang. Mereka bercadang untuk membina gudang-gudang di kawasan Kampung Glam kerana kedudukannya sesuai bagi pembinaan kemudahan dan struktur pelabuhan termasuk dermaga.¹⁰ Di samping itu, para pedagang British juga memohon pembinaan gudang-gudang di sekitar bandar dan di kawasan teluk-teluk kecil yang berhampiran dengan muara sungai serta jalan-jalan masuk ke pelabuhan.¹¹ Mereka turut mengusulkan agar gudang-gudang dibina di sekitar kawasan yang berhampiran dengan tebing di sebelah selatan Sungai Singapura.¹²

Polisi perdagangan bebas yang diamalkan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris telah berjaya menarik lebih banyak kapal dagang, perahu dan tongkang tempatan untuk singgah di pelabuhan itu. Ini menyebabkan kemudahan di pelabuhan muara Sungai Singapura tidak

dapat menampung bilangan kapal dan muatan dagangan yang semakin meningkat. Namun begitu, faktor ini tidak menjelaskan kepercayaan para pedagang yang berlabuh di pelabuhan muara Sungai Singapura untuk terus menjadikannya sebagai depot perdagangan. Maka pada tahun 1840-an, Syarikat Hinia Timur Inggeris telah membuat keputusan yang bijak dengan membuka sebuah lagi pelabuhan di selatan Pulau Singapura untuk terus mengekalkan status pelabuhan entrepot mereka. Pelabuhan ini dikenali sebagai New Harbour.

2.1.2 Pembangunan New Harbour

New Harbour merupakan sebuah pelabuhan yang terlindung. Ia terletak kira-kira dua setengah batu ke barat daya *Roads*. Pelabuhan ini dalam dan sesuai bagi kapal-kapal besar berlabuh. Ia terletak di selat sempit yang dibentuk oleh Pulau Singapura dan Pulau Blakang Mati (St. George's Island). Di tengah-tengah laluan masuk dari *Roadstead* terdapat sebuah pulau kecil yang dikenali sebagai Pulau Ayer Brani (Goge Island). Pulau ini membahagikan laluan kapal atau *channel* kepada dua. Lebar laluan yang paling hampir ke Pulau Singapura ialah 1,000 ela. Sementara laluan yang kedua pula selebar 350 ela. Di samping itu, jalan masuk ke New Harbour dari sebelah barat pula selebar 500 ela.¹³ New Harbour mudah diawasi dan dilindungi dengan tembakan-tembakan meriam dari

beberapa perkubuan di kawasan tanah tinggi yang terdapat di pulau-pulau Singapura.¹⁴ Pembinaan struktur awal New Harbour turut melibatkan syarikat-syarikat perkapalan British seperti Syarikat Peninsular and Navigation Oriental Steamship, Syarikat Maclaine dan Fraser, Syarikat A.L. Johnson, Syarikat Hamilton Gray serta beberapa buah syarikat yang lain.¹⁵

Perkembangan dan pembangunan New Harbour telah meletakkan Pulau Singapura sebagai sebuah pelabuhan utama di dunia. Bilangan kapal-kapal dagangan yang berlabuh dan menggunakan kemudahan pelabuhan di New Harbour semakin meningkat. Ini menyebabkan Syarikat Hindia Timur Inggeris menyediakan perkhidmatan dan kelengkapan pelabuhan yang lebih cekap lagi. Pada tahun 1834, Wm Montgomarie telah mencadangkan pembinaan limbungan basah atau *wet dock* di Pulau Blakang Mati dan Pulau Brani.¹⁶

Pada tahun 1840-an, perkembangan New Harbour amat membanggakan. Sungguhpun begitu, peranan muara Sungai Singapura masih tidak kurang pentingnya dalam menyumbangkan kemajuan dan dinamik perdagangan di Pulau Singapura. Malah, kawasan ini makin pesat dengan aktiviti penyelenggaraan di Boat Quay. Kapal yang singgah di New Harbour akan menuju ke sekitar kawasan muara Sungai Singapura untuk memunggah dan menyimpan barang dagangan mereka di gudang-gudang

yang banyak dibina di situ.¹⁷

Pada bulan Januari 1846, Jacob Clunis pernah mengemukakan permohonan untuk membina limbungan kering atau *dry dock* di Pulau Brani. Limbungan kering yang dicadangkan ini sepanjang 300 kaki, 68 kaki lebar serta 15 kaki dalam, manakala di kawasan pintu masuk ke limbungan tersebut pula selebar 48 kaki.¹⁸ Pada tahun 1863 pula, satu pelan dan anggaran pembinaan *a patent slip and graving dock* di Tanjong Pagar bagi kemudahan kerja-kerja membaikpulih kapal di Pelabuhan Singapura telah disiarkan di akhbar.¹⁹ Namun, perjumpaan para saudagar di Singapura yang terlibat dalam rancangan berkenaan telah mengambil keputusan untuk membina *graving dock* dan mengenepikan pembinaan *a patent slip*. Sementara itu, Mr. Geo Lyon pula mengutarakan cadangan pembinaan dermaga-dermaga untuk menyatukan perniagaan membaikpulih kapal dan *wharfingers*.²⁰

Pada 29hb. September 1864, Syarikat Tanjong Pagar Dock Berhad telah didaftarkan dengan modal sebanyak \$300,000. Pembinaan sebuah limbungan berukuran 450 kaki panjang dan 65 kaki lebar di pintu masuk dengan kedalaman air 20 kaki telah dilaksanakan. Limbungan ini telah dibuka pada 17hb. Oktober 1868 oleh Gabenor Sir Harry Ord.²¹

Perubahan teknologi pelayaran daripada *square rigged vessels* kepada penggunaan kapal wap merupakan titik tolak kepada kemajuan dan

perkembangan kemudahan perkapalan di New Harbour. Pelabuhan berkenaan mula bergerak dan mengalami perkembangan struktur untuk menyesuaikan perubahan dalam teknologi pelayaran. Pada tahun 1860 iaitu berikutan kehadiran kapal-kapal wap angkatan laut Imperial dan kapal-kapal dagangan di Singapura, menyebabkan permintaan bekalan arang batu meningkat. Kini, Singapura mula dikenali sebagai stesen arang batu yang membekalkan bahan bakar tersebut kepada kapal-kapal dagangan dan angkatan laut Imperial dalam pelayaran atau ekspedisi ke China.²² Singapura memperolehi bekalan arang batu dari United Kingdom, Jepun, Australia, Perancis (Indo-China), Sarawak, Labuan dan beberapa buah tempat yang lain.²³

Perkembangan kapal wap dan kemudahan perdagangan yang disediakan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris telah meningkatkan bilangan kapal dagang dan kuantiti dagangan di Pelabuhan Singapura. Misalnya pada tahun 1823 iaitu di zaman *square rigged vessels*, jumlah perdagangan di pelabuhan tersebut dengan Kepulauan Nusantara bernilai kira-kira \$2,981,109. Jumlah ini meningkat kepada \$10,954,445 dalam tahun 1865-1866 (era kapal wap).

Dalam tahap ini, Singapura telah berjaya menarik para pedagang, pelabur, syarikat-syarikat perkapalan dan pembangunan infrastruktur pelabuhannya. Kepentingan lokasi strategik diperkuuhkan

apabila keputusan telah dibuat untuk menjadikannya sebagai depot arang batu Imperial. Dengan latar belakang ini, keperluan terhadap kerja-kerja pertahanan menjadi begitu ketara.

2.2 Perbelanjaan Kerja-kerja Pertahanan Pulau Singapura

Pihak Imperial menyedari bahawa segala kemudahan pelabuhan, perkapalan dan depot-depot arang batu yang terdapat di Pulau Singapura boleh memberikan kelebihan kepada mereka untuk meletakkan lokasi pulau tersebut sebagai "*Key to the Far East*". Singapura berpotensi untuk muncul sebagai pusat operasi perdagangan dan ketenteraan. Kelebihan sempadan Pulau Singapura dan wilayahnya membolehkan Imperial British menguasai *Old Straits of Singapore*, laluan Rabbit dan Coney, jalan masuk ke Selat Melaka dan Laut China Selatan.²⁴ Maka, pulau ini sangat penting untuk dilindungi dan perbelanjaan pertahannya perlu dipertimbangkan.

Menyentuh tentang perbelanjaan kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura, ia merupakan satu faktor utama yang memainkan peranan dalam perlaksanaan kerja-kerja tersebut. Kerja-kerja pembinaan pertahanan pulau ini sebenarnya memakan belanja yang besar. Faktor kewangan sering memperlambangkan kerja-kerja pembinaan berkenaan. Ini kerana setiap anggaran bagi kerja-kerja itu tidak dapat dibiayai sepenuhnya

oleh pihak pentadbiran di India. Di samping itu, faktor perbelanjaan pertahanan juga telah mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan para penduduk dan pedagang di Singapura terhadap pentadbiran British di India pada awal tahun 1860-an. Mereka kecewa dengan jumlah perbelanjaan pertahanan yang membebankan koloni dan kerja-kerja pertahanannya tidak seimbang dengan pembayaran yang dibuat. Dengan itu, mereka telah menggesa perpindahan pentadbiran dari India ke London dan kesediaan koloni membiayai sepenuhnya kos pertahanan tempatan.²⁵ Ketidakseimbangan antara pembayaran pertahanan oleh Singapura dengan kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris dan pembiayaan berek-berek menjadi tema utama dalam perbahasan di antara kedua-dua pihak.

Pada tahun 1828, surat Kapten E. Lake selaku *Inspector General* kepada Setiausaha Kerajaan British di Pulau Pinang menyatakan bahawa anggaran perbelanjaan kerja-kerja pembinaan di Pulau Singapura pada tahun 1828 bernilai sebanyak Rs90,000. Jumlah ini termasuk kos pembinaan barisan *battery*. (Lihat Jadual 2.1)

Jadual 2.1 : Pembahagian kos bagi kerja-kerja pembinaan di Pulau Singapura pada tahun 1828 yang diusulkan oleh Kapten E. Lake.

Binaan	Kos (Rs)
New Batteries	24,000
Jails	30,000
Cantonments	15,000
Others	21,000
Jumlah	Rs 90,000

Sumber : SSFR (RNLA, series A-Z, A.65) : Inspector General kepada Setiausaha Kerajaan di Fort Cornwallis, 30 Apr. 1829, ff. 152-155.

Sementara itu, anggaran kos yang telah diputuskan oleh pihak pentadbiran British di India pula sebanyak Rs36,404. Jumlah ini termasuk kos untuk menampung perbelanjaan kerja-kerja pertahanan yang diluluskan oleh mereka. (Lihat Jadual 2.2) Jika dibandingkan dengan anggaran kos Lake dan pentadbiran British di India, perbelanjaan sebenar kerja-kerja binaan di Pulau Singapura pada tahun 1828 ialah sebanyak Rs69,313.8.8. Sementara kerja-kerja pertahanannya pula memakan belanja lebih kurang Rs15,000.²⁶

Jadual 2.2 : Anggaran kos pembinaan di Pulau Singapura yang diputuskan oleh Kerajaan British India pada tahun 1828.

Binaan	Kos (Rs)
Bangunan di New Cantonment	14,140
Bangunan di Government Hill	7,000
Tambahan binaan penjara	8,000
Lain-lain	1,774
Kerja-kerja pembaikan pertahanan pertahanan 1878 general 2782 komersial 540 judicial 291 jumlah 5490	5,490
Jumlah	36,404

Sumber : SSFR (RNLA, series A-Z, A.65) : Inspector General kepada Setiausaha Kerajaan di Fort Cornwallis, 30 Apr. 1829, ff. 152-155.

Anggaran kos bagi kerja-kerja pembinaan di Singapura yang diletakkan di bawah penyelenggaraan *Public Works* pada tahun 1829 pula ialah Rs132,429. Ia meliputi kerja-kerja pembinaan pertahanan, berek, *quarters* (tempat tinggal pegawai tentera), kemudahan telegraf, penjara dan pembesaran Sungai Singapura. Daripada jumlah ini, Rs85,720 dianggarkan bagi kos pembinaan yang dimasukkan sebagai perbelanjaan pertahanan.²⁷ Ia terdiri daripada kerja-kerja Fort Fullerton, Princes Battery, kemudahan bagi sepoi dan bilik kawalan serta *quarters* bagi Staf Sarjan. (Lihat Jadual 2.3)

Jadual 2.3 : Anggaran kos pembinaan di Singapura pada tahun 1829.

Nama Binaan	Kos (Rs)
Fort Fullerton	42,000
Princes Battery	27,000
Sepoy Huts, berek dan guard room	14,140
New Hospital	9,800
Staff Serjeants quarters	2,580
Embankment of the river	6,700
Telegraph Houses	2,200
New Jail	28,000
Jumlah	132,429

Sumber : SSFR (RNLA, series A-Z, A.65) : Minit oleh R. Fullerton, 22 Mei 1829, ff. 156-158.

Pada tahun 1860, pembinaan berek-berek baru di Pulau Singapura bagi kemudahan pasukan pertahanannya telah berjalan dengan lancar. Ia berjumlah sebanyak Rs676,000 serta meliputi kos bagi memperolehi tapak binaan berek-berek tersebut. (Lihat Jadual 2.4) Jumlah berkenaan adalah sama seperti yang telah diperuntukkan oleh pentadbiran British di India untuk perbelanjaan *Public Works Expenditure* bagi tahun kewangan Negeri-Negeri Selat 1860 hingga 1861.²⁸

Jadual 2.4 : Kos bagi setiap binaan dan kemudahan anggota tentera di Pulau Singapura pada tahun 1860.

Binaan	KOS
berek-berek infantri	416,000
berek-berek artileri	110,000
perabot	90,000
tanah/tapak bagi binaan tersebut	60,000
Jumlah	Rs 676,000

Sumber : SSFR (RNLA, series AA-FF, FF.11) : Pemangku Setiausaha Kerajaan India kepada Gabenor, 11 Okt. 1860, f. 294.

Pada tahun 1860 juga, pembinaanerek-berek bagi menempatkan dua *companies of European Artillery* di Fort Canning menelan belanja sebanyak \$30,693 Sepanyol. Kos mengubah bangunan di perkubuan tersebut kepada bangunan hospital dengan kemudahan bilik memasak, tempat mencuci dan tempat mandi berjumlah \$3,444 Sepanyol.²⁹ Sementara perbelanjaan mengubah hospital bagi kegunaan artileri kepada stor komisariat pula bernilai Rs9,504.³⁰


Bagi tahun 1862 hingga 1863, koloni Negeri-Negeri Selatan telah membelanjakan Rs32,244 daripada jumlah perbelanjaannya yang berjumlah Rs589,612 bagi membiayai operasi membasmikan. Kerja-kerja pertahanan pulau tersebut yang dibiayai oleh pihak berkuasa di India pula berjumlah Rs12,632. Sementara itu, perbelanjaan membiayai depot arang

batu angkatan laut British oleh Kerajaan Imperial bernilai Rs11,769.³¹

Pada tahun 1863, kos yang terlibat dalam kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura adalah berjumlah \$467,910. Ia termasuk \$129,800 untuk pembinaan empat buah perkubuan iaitu Fort Canning³², Fort Fullerton³³, Mt. Faber Battery dan Mt. Palmer Battery. Sebanyak \$276,460 telah diperuntukkan untuk membiayai kos pembinaan kemudahan tentera seperti berek di keempat-empat kerja pertahanan, termasuk di Tanglin dan Native Infantry Lines. Kos gudang senjata dan perbelanjaan komisariat masing-masing berjumlah \$50,150 dan \$11,500.³⁴

Secara tidak langsung, jumlah kos pertahanan dan sumbangan pertahanan yang perlu dibuat oleh koloni kepada pentadbiran di India telah menyebabkan para pedagang dan penduduk Singapura menyuarakan rasa tidak puas hati. Perolehan pendapatan koloni pada tahun tersebut ialah kira-kira £211,000. Sementara perbelanjaan pertahanan dan ketenteraan pula berjumlah £70,000 iaitu kira-kira 33% daripada hasil pendapatannya.³⁵ Sebelum itu, pendapatan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1855 hingga 1856 ialah £97,904, manakala sumbangan pertahanan koloni ialah £74,753. Ini membuktikan bahawa hampir $\frac{2}{3}$ daripada pendapatannya digunakan sebagai membiayai kerja-kerja pertahanan. Pada tahun 1858, daripada pendapatan koloni yang berjumlah £132,336, kira-kira 58% daripadanya diperuntukkan sebagai pembiayaan

Peta 2.1 Fort Canning (Dilukis semula)



Sumber : CO 273/200 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 14 Mac 1894, desp. War, ff. 487-503.

kerja-kerja pertahanan.³⁶

Mereka berpendapat adalah tidak adil bagi penduduk Singapura dan Negeri-Negeri Selat untuk membiayai sebahagian besar perbelanjaan pertahanan koloni. Ini kerana kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan di pulau itu lebih bersifat melindungi kepentingan Imperial dan Kolonial dan bukan semata-mata mempertahankan serta menawarkan keselamatan kepada para penduduk dan Pulau Singapura. Oleh itu, mereka mendesak kepada perpindahan pentadbiran dan mahukan pembahagian pembiayaan pertahanan yang lebih adil demi kepentingan semua pihak.

2.3 Perlaksanaan Kerja-kerja Pertahanan Singapura.

Sebaik sahaja Stamford Raffles memperolehi tapak *factory* di Pulau Singapura bagi pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris, beliau telah mendaratkan pasukan tenteranya di Singapura. Beliau memeriksa kawasan pelabuhan muara Sungai Singapura. Raffles telah merangka kedudukan kerja-kerja pertahanan bagi melindungi pelabuhan yang baru diperolehinya itu.³⁷

Dalam Artikel Lima perjanjian antara Raffles dan pembesar-pembesar Johor, Syarikat Hindia Timur Inggeris akan memberikan perlindungan kepada Sultan Singapura dan Temenggong Abdul Rahman.

Syaratnya ialah mereka tidak dibenar menjalinkan kerjasama atau perjanjian serta menyerahkan kuasa kepada pengaruh kuasa Eropah lain, termasuk Amerika. Sementara itu dalam Artikel Lapan pula menyebut bahawa Pelabuhan Singapura (muara Sungai Singapura), diletakkan di bawah penguasaan dan penyelenggaraan pihak Syarikat Hinida Timur Inggeris.³⁸ Wilayah Pulau Singapura yang diletakkan di bawah pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris adalah menganjur dari Tanjong Malang di sebelah barat hingga ke Tanjong Katong di timur dan melewati ke kawasan pedalaman sejauh tembakan meriam dari sekeliling *factory*.³⁹

Jika dikaji syarat artikel-artikel perjanjian berkenaan, ianya sudah membuktikan betapa pihak Syarikat Hinia Timur Inggeris begitu mementingkan ruang lingkup jajahan mereka. Syarat sempadan pedalaman sejauh tembakan meriam dari *factory* pula menunjukkan bahawa Syarikat Hindia Timur Inggeris mengutamakan keselamatan dan pertahanan sebagai satu faktor penting dalam menjamin kepentingan mereka pada masa depan. Malah, dari awal lagi Inggeris telah membayangkan penguasaan dan rancangan pembangunan pelabuhan dan pertahanan Singapura. Artikel Lima dan Lapan telah menjelaskan tentang penguasaan penuh Syarikat Hindia Timur Inggeris dalam usaha membentuk lokasi strategik Singapura.

Tindakan Raffles membuka petempatan British di Pulau Singapura menimbulkan ancaman dan rasa tidak puas hati pihak Belanda di Batavia. Mereka mendakwa bahawa Singapura berada di bawah pengaruh Belanda kerana kedudukannya terletak di antara Pulau Bintang (termasuk dalam Kepulauan Riau) dan Melaka.⁴⁰ Ini telah menimbulkan kekalutan di pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris ekoran ura-ura Belanda akan melancarkan serangan ke atas Singapura.

Raffles telah pergi ke Pulau Pinang dan memohon Gabenor Kolonel J.A. Bannerman agar menghantar tentera tambahan ke Pulau Singapura untuk menghadapi serangan tersebut. Permohonan itu tidak dilayan oleh Bannerman. Beliau menganggap tindakan Raffles membuka petempatan di pulau tersebut membelakangi pengetahuan dan arahan pentadbiran British di India. Tambahan lagi menurutnya, kedua-dua pembesar Johor yang menandatangani perjanjian 6hb. Februari 1819 itu tidak dianggap sebagai pemerintah yang sah oleh pihak British mahupun kuasa-kuasa Eropah yang lain. Walaupun begitu, Major William Farquhar yang turut sama terbabit dalam ekspedisi Raffles ke Kepulauan Melayu telah mengambil tindakan yang pantas dengan mendapatkan tentera tambahan seramai 400 orang dari Regimen ke-20 di Bencoolen.⁴¹

Kepentingan Pulau Singapura sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan semakin terserlah. Maka, Syarikat Hindia Timur Inggeris

mengambil keputusan untuk menguasai seluruh pulau ini. Lantas, satu lagi perjanjian dibuat antara Residen Singapura dengan pembesar-pembesar Johor pada 2hb. Ogos 1824. Dalam Artikel Dua perjanjian tersebut, menyebutkan bahawa Sultan Hussin dan Temenggong menyerahkan Pulau Singapura dan wilayahnya dalam lingkungan 10 geografikal kepada pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris.

"The Island of Singapore, situated in the Straits of Malacca, together with the adjacent seas, straits, and islets, to the extent of ten geographical miles, from the coast of the said main Island of Singapore.⁴²

Ini bermaksud bahawa pada tanggal 2hb. Ogos 1824, Pulau Singapura dan wilayahnya dalam jangkauan 10 batu geografikal telah menjadi hak Syarikat Hindia Timur Inggeris secara mutlak. Mereka juga mempunyai kebebasan tanpa sebarang sekatan daripada pembesar-pembesar tempatan. Syarikat Hindia Timur Inggeris telah membayar sejumlah \$60,000 Sepanyol bagi memperolehi Pulau Singapura. Sultan menerima gaji sebanyak \$1,300 Sepanyol dan Temenggong pula sebanyak \$700 Sepanyol setahun.⁴³


Sekali lagi Artikel Lapan dalam perjanjian 2hb. Ogos 1824 mengenakan syarat kepada kedua-dua pembesar Johor. Mereka dilarang membuat sebarang hubungan dan perjanjian dengan kuasa-kuasa asing yang lain tanpa pengetahuan pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris. Sementara Artikel Sepuluh pula menyebutkan bahawa kedua-dua belah

pihak tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal politik dalaman masing-masing serta memberikan bantuan persenjataan.⁴⁴

Perkara ini sekali lagi membuktikan kesungguhan pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris menguasai Pulau Singapura di samping cuba mengelak dan menafikan pengaruh serta penguasaan kuasa asing ke atas pulau berkenaan. Dengan itu, mereka dapat mentadbir dan mempraktikkan polisi perdagangan bebas dan melaksanakan kerja-kerja pertahanan di pulau tersebut tanpa gangguan daripada pihak lain. Pada 2hb. Ogos 1824, pihak British telahpun mendapatkan pengiktirafan Belanda ke atas wilayah pengaruh mereka di Kepulauan Melayu. Pengesahan politik dan persaingan dengan Belanda untuk menguasai pulau-pulau di Alam Melayu telah ditamatkan dengan rasminya melalui perjanjian 17hb. Mac 1824.

Maka, Syarikat Hindia Timur Inggeris lebih berkeyakinan untuk memperluaskan pengaruh dan dasar pelabuhan serta perdagangan bebas mereka di Alam Melayu. Secara tidak langsung, Syarikat Hindia Timur Inggeris telah berjaya memecahkan penguasaan perdagangan yang dikuasai oleh Belanda yang sebelum ini mengawal setiap aktiviti perdagangan di Kepulauan Melayu. Belanda pernah cuba menyekat hubungan perdagangan dan politik antara pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan China.⁴⁵

Peta 2.2 Persempadan wilayah antara British dan Belanda



Sumber : Shaharil Talib, "Singapore (1824-1958) : This is My Island in the Sun", 13th, Tokyo, IAHA Conference, 1994, hal. 26.

Penguasaan penuh British ke atas Singapura memudahkan mereka mencipta lokasi strategiknya dan sekaligus mengangkat pulau tersebut sebagai sebuah pelabuhan entrepot. Dengan itu, setiap faktor yang mengganggu aktiviti perdagangan dan mengancam laluan perdagangan ke pulau ini perlu ditangani. Bukan setakat ancaman di sekitar Singapura sahaja, malah peperangan yang meletus di Eropah pada tahun 1823 antara kuasa-kuasa utama di benua itu turut menimbulkan rasa cemas di kalangan penduduk British di Pulau Singapura. Mereka bimbang kedudukan dan keselamatan pulau ini terancam sekiranya Britain tewas dalam peperangan tersebut. Dengan itu, mereka mahukan jaminan keselamatan daripada Kerajaan England. Syarikat Hindia Timur Inggeris terpaksa menyakinkan para penduduk Singapura tentang keupayaan dan kekuatan Negara England.⁴⁶ Oleh kerana itulah, kerja-kerja pertahanan dirangka dan dilaksanakan di Pulau Singapura.

2.3.1 Perletakan Pasukan *Battery* Bagi Mengawasi Pelabuhan Muara Sungai Dan Bandar Singapura.

Dalam peringkat tahun 1819 hingga 1867, Syarikat Hindia Timur Inggeris dan pentadbiran British di India sangat memberikan tumpuan terhadap keselamatan muara Sungai Singapura. Di muara inilah pelabuhan awal dan bandar Singapura dibangunkan sebagai pusat

perdagangan. Untuk menjamin keselamatan perdagangan mereka, Syarikat Hindia Timur Inggeris lebih menumpukan kerja-kerja pertahanan di kawasan ini. Dalam masa yang sama, mereka turut melancarkan operasi membanteras lanun yang mengancam keselamatan perdagangan dan pedagang di Singapura. Apabila aktiviti perdagangan beralih ke New Harbour dan berkembang sebagai pelabuhan entrepot yang terkenal serta berperanan sebagai depot arang batu Imperial yang utama selain daripada Hong Kong di Timur, Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak upaya memberikan tumpuan terhadap kerja-kerja pertahanan yang sepatutnya bergerak serentak untuk menjamin keselamatan kepentingan Imperial ini.

Pada pertengahan tahun 1820-an, perkembangan perdagangan dan pelabuhan di muara Sungai Singapura semakin terserlah. Faktor ini menjadi alasan utama kepada para pedagang dan penduduk pulau itu untuk mendesak Syarikat Hindia Timur Inggeris agar mengambil langkah-langkah keselamatan bagi melindungi pulau tersebut.⁴⁷ Sebagai langkah awal, mereka telah merangka lokasi-lokasi strategik bagi mendirikan kerja-kerja pertahanan. Malah, *Governor in Council* telah meluluskan permohonan Residen Singapura untuk membina sebuah *powder magazine* (gudang ubat peluru) di pulau berkenaan.⁴⁸ Di samping itu, penghantaran pasukan tentera turut diuruskan. Kapal "The Investigator" yang membawa seramai 30 orang tentera berbangsa Eropah

bersama kelengkapan senjata dan beberapa laras *light guns* serta ubat bedil dihantar ke Singapura.⁴⁹

Pada tahun 1827, *Governor in Council* telah mengarahkan Kapten Edward Lake, selaku *Inspector General* membaiki segera *gun carriages* sebagai langkah berjaga-jaga ekoran pengumuman perang di antara England dan Perancis.⁵⁰ Ini kerana peralatan tersebut tidak berada dalam kedudukan yang sedia untuk digunakan. Tambahan lagi, meriam-meriamnya sukar dikendalikan dan perlu diperbaiki.⁵¹ Segala peralatan dan keperluan bagi melaksanakan kerja-kerja itu dihantar ke Singapura dari Pulau Pinang.⁵² Sejumlah 1000 Sicca Rupees telah diperuntukkan kepada *Executive Officer* bagi memulakan kerja-kerja berkenaan.⁵³

Robert Fullerton, Gabenor Negeri-Negeri Selat mendapati bahawa pembinaan barisan *battery* (kumpulan meriam di dalam kapal atau kumpulan meriam untuk pertahanan di pantai) perlu dilaksanakan di Fairy Point dan Sandy Point. Ini kerana kedua-dua lokasi tersebut terletak di kawasan pelabuhan muara sungai.⁵⁴ Ia bertujuan untuk melindungi pelabuhan muara dan bandar Singapura daripada sebarang serangan mengejut yang mungkin dilancarkan oleh pihak musuh. Pasukan *battery* di Sandy Point berupaya menawarkan perlindungan kepada perahu-perahu dagang tempatan yang berlabuh di luar muara Sungai Singapura.⁵⁵

Dalam laporan Kapten Lake, beliau menyatakan bahawa

Mount Palmer yang terletak di selatan muara Sungai Singapura sangat sesuai untuk dibangunkan sebagai pos tentera dan menempatkan pasukan *battery*. Malah menurutnya lagi, tapak ini pernah menjadi pilihan Raffles untuk membina kerja-kerja pertahanan bagi melindungi bandar dan Pelabuhan Singapura.⁵⁶

Pelan pertahanan yang dirangka oleh Lake mempunyai empat objektif utama; iaitu pertama, melindungi bandar Singapura daripada serangan pihak musuh dari laut. Kedua, melindungi kawasan pantai Pulau Singapura yang menganjur dari Tanjong Katong ke Pulau St. John. Ketiga, melindungi stor dan garisen di Singapura, serta yang akhir sekali ialah menjamin keselamatan pelabuhan dan aktiviti perkapalan Singapura, terutama di waktu peperangan.⁵⁷

Pelan pertahanannya memberikan tumpuan ke atas kawasan muara Sungai Singapura. Kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan oleh Lake ialah Fort Fullerton Battery, Princes Battery dan beberapa buah *battery* dengan platform kayu di hadapan gereja di kawasan muara sungai.⁵⁸ Fort Fullerton Battery terletak di muara Sungai Singapura. Princes Battery pula terletak di sebelah tenggara bandar Singapura (*southeast angle of the town*) dan juga digunakan sebagai pos *saluting battery*. Di samping itu, terdapat juga sebuah banglo sebagai kediaman pegawai-pegawai artileri di kawasan tersebut.

Sehingga tahun 1843, pembinaan kerja pertahanan seperti Fort Fullerton Battery masih belum sempurna sepenuhnya. Bandar dan pelabuhan muara sungai ini masih terdedah kepada serangan musuh. Kelemahan ini dikatakan dapat diatasi dengan kehadiran kapal-kapal bersenjata Syarikat Hindia Timur Inggeris bagi melindungi kedua-dua kepentingan tersebut. Kehadiran angkatan kapal perang serta perletakan *battery* penting untuk mengawal dan mengawasi laluan kapal ke pelabuhan. Ia juga dapat menghindarkan ancaman dan pencerobohan pihak musuh.⁵⁹

2.3.2 Kerja-kerja Pertahanan Mengawasi New Harbour

Perkembangan perkapalan dan perdagangan bergerak cergas di Pulau Singapura. Boleh dikatakan bermula dari tahun 1840-an, keperluan aktiviti perkapalan dan pelabuhan tidak lagi bertumpu di muara Sungai Singapura. Bilangan kapal yang banyak dengan kuantiti dagangan yang semakin meningkat menyebabkan kemunculan pelabuhan New Harbour. Teknologi pelayaran yang bertukar daripada *square rigged vessel* (kapal layar) kepada kapal wap menggalakkan kemunculan pelabuhan baru ini. Maka, atas dasar memelihara dan melindungi kepentingan perdagangan, Singapura mendesak Syarikat Hindia Timur Inggeris melaksanakan kerja-kerja pertahanan yang sejajar dengan keperluan

tersebut.

Suatu yang menarik di sini ialah faktor keselamatan New Harbour pernah disentuh oleh Lake dalam laporan yang dibuatnya pada tahun 1827. Ini kerana pada ketika itu bandar dan muara Sungai Singapura menjadi objektif utama kepada faktor pertahanan. Menurut Lake, sekiranya musuh mendarat dan menawan Pulau Blakang Mati, ia akan memberi laluan kepada musuh untuk menguasai jalan masuk ke pelabuhan berkenaan. Lantas, beliau menyuarakan pendapat agar kerja-kerja pertahanan dilaksanakan untuk melindungi dan mengawasi jalan-jalan masuk ke New Harbour.⁶⁰

Kawasan-kawasan tinggi di pulau-pulau Singapura boleh digunakan bagi kerja-kerja pertahanan. Ia dapat berperanan sebagai pos isyarat untuk mengawasi keselamatan laluan ke pelabuhan dan aktiviti perkapalan di pelabuhan. P. Jackson selaku *Executive Officer* di Singapura turut mengutarakan pendapatnya agar bukit-bukau di Pulau Blakang Mati dijadikan sebagai pos signal. Ini kerana ia boleh mengawasi setiap kapal yang menghampiri laluan ke New Harbour dari Tanjung Barus hingga ke sebelah barat dan dari Point Ramunia hingga ke sebelah timurnya serta di kawasan New Harbour itu sendiri.⁶¹

Pada tahun 1843, Kapten Samuel Best dari *Madras Engineer* telah diarahkan oleh *Chief Engineer* untuk merangka pelan pertahanan

Pulau Singapura dan wilayahnya. Laporan ini kemudian diserahkan kepada *Supreme Government* di India untuk dipertimbangkan.⁶² Rangka pertahanan Best melibatkan dua buah pelan, iaitu pelan *redoubt* (kubu atau perbentengan) untuk melindungi bandar Singapura serta pelabuhan dan jalan masuk ke pelabuhan. Pelan keduanya pula ialah pembinaan sebuah *redoubt* yang berupaya menempatkan satu pasukan garisen yang terdiri daripada 500 hingga 600 orang tentera. *Redoubt* ini dilengkapi dengan gudang ubat bedil dan stor. Bagi Best, pembinaan kerja-kerja itu penting untuk menjamin keselamatan kawasan kapal-kapal berlabuh antara pantai Pulau Blakang Mati dan Pulau Brani dengan Pulau Singapura.⁶³

Best turut mengusulkan supaya pembinaan kubu-kubu pertahanan di beberapa buah bukit di Pulau Singapura, seperti Government Hill, Pearl's Hill dan Scott's Hill. Ini kerana kedudukan tersebut difikirkan strategik untuk menawarkan perlindungan kepada bandar dan New Harbour. Beliau juga mencadangkan supaya pembinaan kubu-kubu pertahanan dan perletakan meriam di tepi laut. Binaan berkenaan perlu dilengkapi dengan *bombproof accomodation* bagi pasukan tentera dan stor senjata. Sepertimana pelan Lake, pelan pertahanan Best turut mengalami nasib yang serupa. Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak dapat memenuhi keperluan pertahanan yang dikehendaki oleh Singapura. Kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan berdasarkan kepada pelannya itu

hanyalah *sea wall* bagi Fort Fullerton Battery.⁶⁴

Sehingga tahun 1852, R. McPhearson selaku *Executive Officer* di Singapura mendapati keselamatan bandar dan pelabuhan Singapura masih kurang terjamin. Fort Fullerton yang dibina pada tahun 1820-an masih lagi belum siap sepenuhnya. Ia hanya dikelilingi oleh tembok tanpa platform menembak (*parapet*), manakala pasukan-pasukan *battery* yang lain hanya mampu menahan serangan musuh untuk sementara waktu sahaja. Fort Fullerton yang dikenali sebagai *an open battery* hanya dilengkapi dengan empat laras meriam iaitu dua laras meriam 56 pounder dan dua laras meriam *heavy metal*. Senjata-senjata tersebut berperanan untuk menghadapi serangan musuh secara mengejut. Di samping itu terdapat juga dua laras mortar berukuran lilit 13 inci, bot-bot kecil dan kapal wap bagi mengawasi perairan Pulau Singapura serta melindungi barisan *battery* yang ditempatkan di pulau itu.⁶⁵


Meriam 56 pounder yang dicadangkan kepada pasukan-pasukan *battery* di Fort Fullerton dan Princes Battery⁶⁶ berbentuk *traversing carriages* dan boleh mengarahkan tembakan ke mana-mana arah yang dipilih.⁶⁷ Pada tahun 1855, hanya tiga buah kerja pertahanan yang telah siap pembinaannya iaitu Fort Fullerton Battery, Mount Palmer's Battery dan Lake's Battery (Princes Battery). Pembinaan tersebut menggunakan tenaga buruh banduan.⁶⁸

Pada tahun 1858, Kapten G.C. Collyer, *Superintending Engineer, Central Circle*, telah membuat laporan tentang kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura. Beliau membahagikan pelan kerja tersebut kepada dua bahagian, iaitu *land defences* dan *sea defences*. *Land defences* membabitkan kerja-kerja pertahanan yang dirancang di Government Hill (Fort Canning), Pearl's Hill⁶⁹ serta lokasi-lokasi lain bagi menempatkan pasukan *battery*. Laporannya menggulung rangka atau pelan pertahanan yang pernah dikemukakan oleh pegawai-pegawai tentera British sebelum ini. Kerja-kerja *sea defences* pula lebih menitikberatkan soal keselamatan di New Harbour. Collyer pernah mengusulkan agar *steam screw battery* atau kapal wap bersenjata dihantar untuk berkhidmat di perairan Singapura dan membantu pasukan *battery* pantai.⁷⁰

Kapal wap bersenjata ini boleh berada sejauh dua hingga dua setengah batu di luar kawasan kapal-kapal dagang berlabuh. Sasaran tembakannya boleh menjangkau hingga ke kawasan tembakan meriam pasukan-pasukan *battery* pantai. Dengan itu, ia akan melengkapkan pertahanan laut Pulau Singapura. Tambahan lagi, kelebihan kapal wap bersenjata ini adalah keadaannya yang mudah gerak.⁷¹

Pihak British sedar bahawa mereka tidak dapat menguasai laluan utama Selat Melaka sepenuhnya. Mereka terpaksa berkongsi pengaruh dan penguasaan ke atas selat ini bersama-sama dengan pihak

Peta 2.3 Pearl's Hill (Dilukis semula)



Sumber : CO 273/148 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 26 Okt. 1887, desp. 462, ff. 470-479.

Belanda. Perairan yang menjadi sempadan antara Selat Singapura dengan Pulau Bantam juga merupakan wilayah pengaruh Belanda dan turut berada dalam kedudukan yang sama seperti Selat Melaka. Sementara Selat Singapura yang selebar empat batu dengan laut yang dalam boleh membenarkan kapal-kapal wap perang atau *steamers of war* melaluinya.

Pihak British menyedari bahawa kapal-kapal perang musuh boleh menggunakan laluan berhampiran perairan Belanda untuk memasuki perairan Singapura. Collyer mendapat tembakan meriam di Pulau St. John tidak dapat menjangkau keseluruhan laluan ke selat tersebut. Selat Sunda yang juga merupakan laluan terdekat dan pintu masuk bagi kapal-kapal dari sebelah barat Pulau Mauritius sama sekali tidak dapat ditutup. Ini kerana selat tersebut terletak antara Pulau Sumatera dan Pulau Jawa yang merupakan wilayah koloni Belanda.⁷²

Satu lagi perkara yang perlu difikirkan ialah cubaan pendaratan pihak musuh melalui Selat Johor (Tebrau) yang juga dikenali sebagai "The Old Straits of European Navigators". Selat ini sempit serta cetek. Ia menyukarkan kapal-kapal musuh melaluinya. Namun, sekiranya pihak musuh mendaratkan angkatan tentera yang besar di kawasan ini dan cuba *to take Singapore in reverse*, maka pihak pertahanan British perlu menempatkan satu pasukan tentera yang ramai dan membina jalan-jalan yang menghubungi bahagian utara Pulau Singapura.⁷³

Pada tahun 1860, Gabenor O. Cavenagh melaporkan bahawa keselamatan stesen-stesen British di Selat Melaka dan Singapura adalah kurang memuaskan. Stesen-stesen tersebut masih lagi bergantung kepada kehadiran angkatan laut British dari stesen-stesen di China dan India.⁷⁴ Setiausaha kepada Gabenor juga mempunyai pendapat yang sama. Beliau mendapati pertahanan tanah jajahan British di Timur mesti bergantung sepenuhnya kepada kehadiran angkatan laut Imperial. Mereka khuatir pertahanan Singapura tidak dapat menyekat serangan tentera musuh yang ramai. Menurut mereka lagi walaupun terdapat bantuan daripada pasukan regimen tentera Eropah dan *Native Infantry*, namun anggota-anggota pertahanan ini tidak mampu menyekat pencerobohan serta pendaratan musuh terutama di teluk-teluk kecil yang mengadap ke Selat Johor.

Oleh itu, angkatan laut British boleh dibantu oleh pasukan *battery* pantai. Ia akan mengawasi perairan di sekitar Pulau Singapura dan wilayahnya. Seandainya terdapat kapal-kapal perang atau skuadron musuh yang berjaya membolosi pengawasan angkatan laut British ini, maka pasukan *battery* pantai akan memainkan peranan melancarkan tembakan ke atas pihak musuh tersebut.⁷⁵ Pertahanan Singapura masih lemah untuk melindungi kepentingan perdagangan dan pelabuhannya.

Dari tahun 1824 hingga awal 1860-an, Syarikat Hindia Timur Inggeris hanya memberikan perlindungan keselamatan kepada Singapura.

Tumpuan utama adalah sungai Singapura dan perkhidmatan kapal bersenjata atau perang. Sebaliknya pertahanan di New Harbour kurang memuaskan.

Pada akhir tahun 1863, Sir Hercules Robinson, iaitu Gabenor British di Hong Kong tiba di Pulau Singapura. Tujuannya ialah membuat laporan berkenaan kerja-kerja pertahanan di pulau itu ekoran percanggahan pendapat berkenaan pertahanan antara Singapura dengan pentadbiran British di India serta mengenai rancangan perpindahan pentadbiran koloni Negeri-Negeri Selat dari India ke London.⁷⁶ Beliau turut melaporkan tentang kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan di pulau berkenaan. Rata-rata kerja pertahanan tersebut mengkhususkan perhatian kepada pengawasan ke atas kawasan pelabuhan. Kepesatan aktiviti perdagangan dan sokongan faktor arang batu menyebabkan New Harbour menjadi semakin penting kepada British berbanding dengan pelabuhan-pelabuhan mereka yang lain seperti Pulau Pinang dan Melaka. Justeru itu, Singapura mesti dilindungi dari sebarang ancaman sama ada daripada penduduk tempatan mahupun pihak luar. Singapura sangat penting untuk dikekalkan sebagai pusat kepentingan komersial dan strategik British. Laporan beliau menyokong rancangan perpindahan pentadbiran koloni Negeri-Negeri Selat dari India ke London dan seterusnya membolehkan susunan pertahanan di bawah pentadbiran

Kerajaan Kolonial.

H. Robinson mengemukakan laporan rasminya yang berjudul "Report On The Military Defence of Straits Settlements" pada tahun 1864. Beliau meneliti kerja-kerja pertahanan yang berkembang di bawah Syarikat Hindia Timur Inggeris dan mengusulkan syor-syor supaya pertahanan Singapura dapat dipertingkatkan di bawah Kerajaan Kolonial. Sehingga 1864, terdapat empat buah perkubuan atau *fortifications* telah didirikan di Pulau Singapura. Kubu-kubu tersebut ialah Fort Canning, Fort Fullerton, Fort Palmer dan Fort Mount Faber.⁷⁷ Berikut adalah keterangan bagi setiap kubu pertahanan tersebut serta persenjataannya.

Fort Canning

Ia merupakan sebuah *field work* yang dibina selepas peristiwa kekacauan kaum Cina pada tahun 1854. Kubu ini dibina di Government Hill pada ketinggian 150 kaki dan terletak 800 ela dari pantai. Kedudukannya di tengah-tengah kawasan yang mengadap ke Outer Harbour. Kubu ini terbahagi kepada dua, iaitu kubu utama (Fort Canning) dan South atau Seaward Battery yang terletak kira-kira 30 kaki dari kubu utama. Fort Canning tidak sahaja berperanan sebagai sebuah kubu pertahanan tetapi juga tempat perlindungan (*citadel*) bagi penduduk di Pulau Singapura.

Fort Canning mengawasi dan hanya melindungi bandar Singapura yang terletak di kaki Government Hill. Di samping itu, bukit ini juga berhampiran dengan Mount Sophia dalam jarak 500 ela dan Mount Faber, 4500 ela. Terdapat sebuah stesen isyarat dan rumah api bagi mengawasi dan memberi panduan kepada kapal-kapal yang menghampiri kawasan pelabuhan.

Per senjataan dalam kubu utama terdiri daripada lapan laras meriam berukuran lilit 8 inci dan dua laras mortar berukuran lilit 13 inci. Senjata yang terdapat di South Battery pula ialah tujuh laras meriam 68 pounder. Menurut laporan Robinson, kubu ini memerlukan *bombproof cover* dan akan dilengkapi dengan tujuh laras meriam 68 pounder (95 cwt), 16 laras meriam berukuran lilit 8 inci (65 cwt) dan tiga laras mortar 13 inci. Terdapat juga *ordnance magazine* dan *commissariat stores*. Gudang senjata di Fort Canning mampu menampung 2,500 barrels ubat bedil serta mempunyai enam buah *expense magazine*. Pembinaan kubu ini menelan belanja sebanyak £15,000 dan turut dilengkapi dengan berek-berek artileri.

Fort Fullerton

Sebuah *battery a fleur d'cau* yang terletak di muara Sungai Singapura. Ia dikelilingi oleh *a rampart of sea-wall* atau tembok laut. Kubu


pertahanan ini mula dibina pada akhir tahun 1820-an. Ia mengawasi kawasan pelabuhan muara Sungai Singapura sehingga ke Sandy Point serta kawasan berhampiran Tanjong Katong.

Fort Fullerton mengendalikan tujuh laras meriam 68 pounder (95 cwt), empat laras meriam berukuran lilit lapan inci (65 cwt) dan dua laras *howitzer* atau meriam katak yang berukuran lilit 8 inci. Terdapat dua buah gudang senjata dan *quarters* bagi penempatan 20 orang tentera artileri dibina dalam kubu pertahanan ini.

Mount Palmer Battery

Pembinaannya bermula pada tahun 1850-an. Kubu ini terletak di atas sebuah bukit setinggi 110 kaki dari aras laut. Kedudukannya ialah satu suku batu dari *roads*. Ia mengawasi jalan masuk ke New Harbour dari sebelah timur dan kawasan utama bandar Singapura. Dalam erti kata lain, Mount Palmer Battery mengawal laluan dari pelabuhan muara Sungai Singapura hingga ke New Harbour. Kubu pertahanan ini dilengkapi dengan gudang senjata dan bilik pengawal (*guard room*).

Peta 2.4 Mount Palmer Battery (Dilukis semula)



Sumber: CO 273/148 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 26 Okt. 1887, desp. 462, ff. 470-479.


Mount Faber Battery

Kubu yang dibina pada awal tahun 1860-an ini terletak di cerun bukit dengan ketinggian 300 kaki dari aras laut dan lima batu dari bandar Singapura. Ia tidak sahaja mengawasi kedua-dua laluan ke pelabuhan muara sungai dan New Harbour tetapi juga laluan ke New Harbour dari luar pantai Pulau Singapura. Dua laras mortar berukuran lilit 13 inci yang mempunyai jangkauan tembakan hingga ke kawasan jalan masuk ke New Harbour ditempatkan di *battery* ini. Bilik pengawal turut dibina dan kos keseluruhan bagi pembinaan kerja pertahanan ini menelan belanja sebanyak £1000.

Rata-rata kubu pertahanan yang dibina di pulau ini semuanya terletak di kawasan tanah tinggi kecuali Fort Fullerton. Ini bagi memudahkan penggunaan meriam yang dapat berfungsi pada jarak tertentu sahaja. Meriam merupakan teknologi senjata tercanggih pada masa itu. Senjata-senjata berkenaan dihalakan ke laut dengan jangkauan tembakan yang melewati ke kawasan laluan kapal.

Sungguhpun kubu-kubu pertahanan telah dibina di samping rantaian pasukan *battery*, namun ia masih belum mencukupi untuk melindungi Pulau Singapura dan wilayahnya. Pulau Singapura belum boleh menyamai Malta atau Gibraltar yang berperanan sebagai *fortress island* dan sekaligus terkenal sebagai pelabuhan komersial utama British di Laut

Peta 2.5 Peta lakar Mount Faber dan Pasir Panjang (Dilukis semula)



Sumber : CO 537/47 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 11 Sept. 1891, desp. Secret, ff. 287-401.

Mediterranean.⁷⁸ Pertahanan Singapura perlu diperkuuhkan lagi bagi memudahkannya menyamai peranan yang dimainkan oleh Malta atau Gibraltar.

Ura-ura menjadikan pelabuhan atau pulau Singapura sebagai sebuah pengkalan laut telah timbul sebelum pertengahan abad ke-19 lagi. Semenjak dari tahun 1840-an, pihak Imperial telah menyedari tentang kepentingannya dalam menyediakan kemudahan perkapanan bagi kapal-kapal bersenjata mereka yang berada di wilayah-wilayah di Timur. Malah, mereka turut mengakui kehadiran angkatan laut British dapat memberikan perlindungan yang terbaik terhadap keselamatan bandar Singapura. Sekiranya angkatan laut British tewas di Kepulauan Melayu, mereka tidak hanya kehilangan Singapura sahaja, bahkan secara psikologi akan menjaskankan nama dan kewibawaan mereka di mata rakan dan musuh. Kehadiran sebuah pengkalan laut dan kapal perang British di Singapura juga membolehkan mereka menyekat kehadiran musuh di rantau ini.

2.3.3 Operasi Memerangi Lanun

Perlanunan merupakan satu ancaman kepada kemajuan dan aktiviti perdagangan serta kemakmuran Pelabuhan Singapura. Ia begitu bermaharajalela di zaman *square rigged vessel*. Namun begitu, keganasan dan rompakan lanun semakin merosot pada tahun 1860-an. Kemerosotan ini berikutan operasi membasmi perlanunan yang dilaksanakan secara

besar-besaran oleh pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris. Kapal-kapal wap bersenjata memainkan peranan utama dalam operasi berkenaan yang bertujuan menjamin perairan Selat Melaka, Selat Singapura dan Laut China Selatan agar bebas daripada ancaman lanun. Namun pertahanan Singapura masih belum terjamin jika diserang oleh angkatan laut kuasa-kuasa Barat yang lain. Usaha-usaha pertahanan Syarikat Hindia Timur Inggeris lebih tertumpu kepada memberi perlindungan keselamatan kepada perdagangan Singapura. Keutamaan lebih diberikan kepada langkah-langkah memerangi lanun.

Dalam tahun 1823, lanun dilaporkan muncul di luar pantai timur Semenanjung Tanah Melayu iaitu antara pantai Sedili dan Endau. Perahu-perahu dagang milik Singapura turut menjadi mangsa lanun-lanun itu. Angkatan lanun ini terdiri daripada tiga buah perahu perang sepanjang 50 kaki serta dilengkapi dengan selaras meriam panjang atau *one long gun in the bow* serta dianggotai oleh 100 orang lanun. John Crawford telah mengarahkan "Ketch Boa Fortuna", iaitu sebuah kapal layar laju yang diketuai oleh Kapten Johnston untuk belayar dan mengawasi perairan tersebut. Perahu layar ini dilengkapi dengan empat laras meriam 12 pounder *carronades*.⁷⁹ Satu cubaan rompakan lanun ke atas kapal Eropah yang berlepas dari Pelabuhan Singapura pertama kali terjadi pada tahun 1826. Namun begitu rompakan lanun ke atas kapal milik Belanda iaitu "Anna" telah berjaya dipatahkan.⁸⁰

Pada akhir tahun tersebut, beberapa buah bot tempatan yang dilengkapi dengan beberapa laras meriam ditugaskan untuk menjalankan operasi membersihkan perairan Pulau Singapura daripada aktiviti lanun.⁸¹ Angkatan laut Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 hanya memiliki "Zephyr". Kemudian "HMS Cyrene" dihantar ke koloni bagi mengawasi keselamatan perairannya. Dua buah bot dari kapal "Cyrene" dihantar keluar untuk mengesan lanun dengan menyamar sebagai perahu tempatan dan dilengkapi dengan meriam 12 pounder *swivel*.⁸²

Dalam surat John Prince, Residen Kaunselor Singapura kepada pihak berkuasa di Pulau Pinang menyentuh tentang pembinaan perahu-perahu tempatan untuk digunakan dalam operasi memerangi lanun di wilayah pengaruh British. Perahu sepanjang 40 kaki ini bergerak lebih laju dan berupaya belayar di kawasan air cetek serta mampu mengangkut meriam 12 pounder *carronades*. Tugas utama perahu ini ialah mengawasi keselamatan para pedagang tempatan dan asing yang berurus di Pelabuhan Singapura.⁸³

Pada tahun 1830-an, tiga buah *gunboat* telah dibina di Pulau Singapura iaitu "Diamond", "Emerald" dan "Pearl" dengan kos setiap satu bot tersebut ialah Sicca Rupees 2860, 2337 dan 2673.⁸⁴ Residen Kaunselor telah menghantar *gunboat* "Emerald" bagi menumpaskan lanun, manakala "HMS Harrier" yang belayar di Selat Melaka berjaya menawan dua buah kubu lanun di Kepulauan Riau-Lingga dan memusnahkan petempatan

lanun tersebut.⁸⁵ Sementara itu, "HMS Southampton" dan kapal layar "Diamond" telah menjalankan tugas mereka di Selat Melaka. Angkatan ini telah berhadapan dengan sebuah pasukan lanun yang terdiri daripada 30 buah perahu yang dilengkapi dengan meriam.⁸⁶

K. Murchinson, Gabenor Negeri-Negeri Selat berpendapat bahawa aktiviti perlanunan yang meningkat di Kepulauan Melayu adalah akibat daripada usaha membasmi lanun yang dijalankan oleh kapal wap bersenjata Belanda di wilayah pengaruh mereka.⁸⁷ Dengan itu, pihak berkuasa Negeri-Negeri Selat telah mendesak pentadbiran British di India agar menempatkan kapal perang "Her Majesty" secara tetap di Selat Melaka untuk meneruskan operasi membanteras kegiatan perlanunan yang kian meruncing. Ini kerana ramai pedagang telah menjadi mangsa dan terkorban dalam perjalanan mereka ke Pelabuhan Singapura.⁸⁸

Sehingga tahun 1838, terdapat dua buah *sloops of war* di Pelabuhan Singapura iaitu "Wolf" dan "Hyacinth". Pada tahun tersebut, "Wolf" dan "Diana" telah berjaya menumpaskan angkatan lanun Ilanun atau *six large Illanoon Pirates Boats* di luar pantai Terengganu pada 18hb. Mei 1836.⁸⁹ "HMS Diana" merupakan kapal wap pertama di Negeri-Negeri Selat yang dibina di India. Kapal ini berenjin 40 kuasa kuda. Ia diketuai oleh seorang kapten dan dua orang pegawai berbangsa Eropah serta 30 orang Melayu sebagai anak kapalnya.⁹⁰

Pada 30hb. Oktober 1840, "HCS Nemesis" telah ditugaskan

ke Negeri-Negeri Selat. Kuasanya adalah 120 kuasa kuda dan mampu membawa dua laras meriam 32 pounder serta 50 orang anak kapal. "Nemesis" sangat terkenal dalam operasi menumpaskan lanun di Pulau Singapura.⁹¹ Dua tahun kemudian, "HMS Dido" yang dipimpin oleh Kapten Henry Keppel telah ditugaskan ke Pulau Singapura dan Borneo untuk membanteras kegiatan lanun. "Dido" adalah sebuah kapal perang seberat 734 ton dan boleh bergerak agak laju serta membawa 18 laras meriam.⁹² Ia telah berhadapan dengan satu pasukan lanun Illanun yang terdiri daripada 10 buah perahu dengan bilangan lanun seramai 600 orang.⁹³

Pada tahun 1844, *Governor in Council* di India telah meluluskan pembinaan beberapa buah *gunboat* untuk berkhidmat di Selat Melaka. Setiap bot tersebut bernilai kira-kira \$2,100 bagi menggantikan perkhidmatan "Diamond" dan "Pearl" yang telah mengalami kerosakan.⁹⁴ Pada bulan Oktober 1848, sebuah *war steamer*, "Ranee" yang dibina di Singapura telah dirasmikan. Kapal yang berenjin wap dengan empat kuasa kuda ini boleh belayar di kawasan air cetek. Panjangnya ialah 60 kaki dan lebar 8 kaki 6 inci. Ia membawa dua *long brass guns* dan *rocket tubes* serta ditugaskan dalam operasi membanteras lanun di Laut Borneo dan Sulu.⁹⁵

Gunboat "Charlotte", iaitu kapal milik Syarikat Hindia Timur Inggeris dihantar mengawasi perairan Point Ramunia pada tahun 1853.⁹⁶ Kapal "HM Sloop Bittern" pula ditugaskan mengawasi dan melindungi

jalan masuk ke Selat Singapura hingga ke Teluk Siam.⁹⁷ Residen Kaunselor Singapura telah meminta perkhidmatan kapal wap Syarikat Hindia Timur Inggeris iaitu "Hooghly", untuk mengawasi pelayaran pulang pedagang dari Kochin-China dan Siam yang sering menjadi mangsa lanun keturunan Macao. Dengan kehadiran kapal wap ini, beliau berharap keselamatan para pedagang tempatan dan kapal-kapal dagang asing yang berulang-alik ke Singapura terjamin.⁹⁸ Perkhidmatan kapal ini dihentikan pada tahun 1862 dan digantikan oleh kapal wap "Pluto".⁹⁹

Pada tahun 1860, pentadbiran British di India juga telah melahirkan rasa sukacita dan terima kasih mereka kepada Temenggong Johor atas kerjasamanya membanteras lanun di sekitar perairan Johor dan Singapura. Ini kerana aktiviti perdagangan tempatan sering terganggu dan terancam dengan kehadiran lanun di perairan berkenaan.¹⁰⁰ Malah pada tahun 1856, sebahagian daripada pembiayaan operasi memerangi lanun ditanggung oleh pihak British dan sebahagian lagi oleh Temenggong Johor.¹⁰¹

Kesimpulannya, usaha membanteras lanun yang dijalankan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris dan pertengahan 1850-an oleh pentadbiran British di India serta pembesar tempatan di perairan Selat Melaka, Laut China Selatan serta di Teluk Siam adalah bertujuan melindungi perdagangan tempatan. Kapal-kapal perang dan *gunboat* British banyak memainkan peranan dalam menjamin keselamatan kapal-kapal

dagang dan perahu-perahu tempatan yang berurusan di Pelabuhan Singapura daripada ancaman lanun.¹⁰² Dalam erti kata lain, ia bertujuan memelihara aktiviti perdagangan di rantau ini yang berpusat di Singapura. Kehadiran sebuah kapal wap telah membuktikan tugas memerangi lanun menjadi lebih cekap jika dibandingkan dengan penggunaan perkhidmatan beberapa buah perahu layar.¹⁰³ Operasi membanteras lanun menjadi langkah awal dalam usaha pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris untuk melindungi dan mempertahankan Pulau Singapura daripada setiap gangguan atau ancaman.

Selain daripada operasi *gunboat*, pentadbiran British turut sama melaksanakan peraturan menggunakan kemudahan Pelabuhan Singapura. Ia sekaligus cuba mempertingkatkan lagi usaha memerangi lanun yang bermaharajalela di perairan yang berhampiran dengan Pulau Singapura dan Negeri-Negeri Selat umumnya.

Sehingga tahun 1855, satu draf akta telah dirangka bagi menyekat perahu lanun yang seringkali disyaki menggunakan kemudahan di Pelabuhan Singapura. Secara ringkasnya di bawah akta ini, perahu dan tongkang yang dicurigai sebagai kepunyaan lanun boleh ditahan dan ditarik ke pelabuhan British yang paling hampir. Gabenor Negeri-Negeri Selat diberi kuasa mengeluarkan waran menahan dan menggeledah. Waran ini akan diserahkan kepada komander-komander kapal British untuk menahan perahu atau tongkang yang disyaki sebagai milik lanun. *Harbour Master*

dan *Master Attendant* mempunyai kuasa untuk menaiki dan memasuki kapal atau tongkang yang disyaki untuk tujuan pemeriksaan. Sekiranya tindakan beliau dihalang oleh tuan punya kapal atau tongkang, orang tersebut boleh ditahan dan dipenjarakan. Gabenor juga mempunyai kuasa pemutus untuk mengeluarkan waran tahan dan tangkap ke atas perahu milik lanun.¹⁰⁴

2.4 Pasukan Garisen Singapura

Pasukan garisen adalah satu aspek yang tidak boleh diasingkan daripada pertahanan Singapura. Kerja-kerja pertahanan memerlukan anggota tentera untuk mengendalikannya. Pasukan pertahanan yang berkhidmat di Singapura rata-rata terdiri daripada anggota tentera dari India dan Eropah. Anggota pertahanan yang dihantar oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris dari India dikatakan banyak menimbulkan masalah kerana sering kali sakit. Maka, perbelanjaan terpaksa dipikul oleh Singapura untuk menampung kos penghantaran pulang anggota tentera yang sakit ini. Kos pembiayaan pasukan garisen yang tinggi sentiasa dipersoalkan oleh pentadbiran di Singapura.

Selepas satu, dua atau tiga tahun berkhidmat di Negeri-Negeri Selat, tentera-tentera Syarikat Hindia Timur Inggeris akan dihantar ke bahagian lain dalam empayar British. Malah, apabila berlaku perubahan dalam pengagihan tentera, komposisi dan bilangan pasukan pertahanan

yang ditempatkan di stesen-stesen tertentu juga berubah. Ini bermakna pasukan tentera yang ditubuh dan ditempatkan di Negeri-Negeri Selat, khususnya Singapura, tidak semata-mata bertujuan sebagai perkhidmatan pertahanan tempatan tetapi menjadi sebahagian daripada tentera Imperial.¹⁰⁵ Anggota-anggota pertahanan yang ditugaskan bagi pasukan *battery* pantai akan bekerjasama dengan kapal-kapal bersenjata British untuk mengawasi perairan Singapura. Seandainya terdapat kapal perang atau skuadron musuh yang berjaya membolosi pengawasan angkatan laut British ini, maka pasukan *battery* akan memainkan peranan melancarkan tembakan ke atas pasukan musuh tersebut.

2.4.1 Anggota-anggota Tentera Di Pulau Singapura

Pada tahun 1822, Residen Singapura, Farquhar melaporkan berkenaan kekurangan bilangan tentera yang ditempatkan untuk berkhidmat di Singapura. Anggota tentera tersebut terpaksa melakukan pelbagai tugas di samping mempertahankan Pulau Singapura. Beliau telah mencadangkan agar pentadbiran British di India menambah satu lagi pasukan atau *company* dengan beberapa orang pegawai Eropah sebagai pasukan pertahanan Singapura.¹⁰⁶

Farquhar turut mengusulkan pembinaan *Lines* bagi pasukan *Native Troops* di sekitar kawasan Kampung Glam yang telah dibersih dan diratakan. Pada tahun tersebut juga, beberapa buah bangunan tentera yang

usang telah diperbaiki. Ia adalah *Golundaze Lines* dengan 20 buah pondok, *Sepoy Lines* dengan 150 buah pondok dan berek-berek bagi tentera berbangsa Eropah.¹⁰⁷ Pentadbiran British di India perlu menyediakan kemudahan penginapan bagi anggota-anggota tentera yang berkhidmat di Singapura. Perkara ini penting kerana ia merupakan tanggungjawab untuk membela kebijakan pasukan pertahanan mereka. Dengan itu, pentadbiran British di India telah membina *quarters* bagi penempatan para pegawai serta berek-berek pula dibina untuk penginapan anggota pasukan artileri dan infantri. Pada tahun 1829, lapan barisan *Sepoy Huts* telah siap dibina di Singapura oleh *Public Works*.¹⁰⁸

Pada tahun 1838, Gabenor G. Bonham melaporkan bahawa *Head Quarters of the 8th Regiment* yang ditempatkan di Singapura terdiri daripada lima buah *companies*.¹⁰⁹ Sementara pada tahun 1841, pasukan *7th Regiment of Madras Native Infantry* yang akan dihantar pulang ke negara asal setelah berkhidmat di China supaya dikekalkan di Singapura. Pasukan ini akan mengambil alih tugas *8th Regiment Madras Native Infantry* yang sedang berkhidmat di Pulau Singapura.¹¹⁰ Pada tahun 1843, *4th Regiment of Native Infantry* telah ditempatkan di Singapura dan sekiranya didapati perlu, mereka akan dihantar ke China.¹¹¹ Dalam tersebut juga, *Governor General of India in Council* telah meluluskan peruntukan sebanyak Rs1,000 untuk kemudahan penginapan anggota-anggota tentera tersebut.¹¹² Pada

tahun berikutnya, pasukan *27th Regiment* dihantar ke Singapura untuk mengambil alih tugas pasukan *4th Regiment* yang telah diarahkan bertugas di China.¹¹³

Pada tahun 1857, Gabenor E.A. Blundell melahirkan rasa kurang setuju terhadap pengunduran pasukan *38th Regiment of Native Infantry* dan hanya meninggalkan satu regimen sahaja sebagai garisen Singapura. Menurut beliau, sekiranya anggota regimen *29th* dan *38th* mahu diundurkan dari Singapura, maka satu regimen penuh dari Madras perlu dihantar untuk mengambil alih tugas kedua-dua pasukan ini.¹¹⁴

Sehingga akhir tahun 1857, bilangan tentera di Singapura daripada pasukan regimen *14th* adalah seramai 425 orang (tidak termasuk pegawai). Sementara anggota regimen *38th* pula seramai 508 orang. Oleh itu, bilangan anggota tentera dari dua pasukan tersebut adalah seramai 933 orang.¹¹⁵ Pentadbiran British di India memaklumkan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat bahawa satu pemberitahuan telah dihantar kepada *Senior Naval Officer* di Singapura yang mengarahkan agar pegawai tersebut mengekalkan *11th Regiment Punjab Infantry* di pulau tersebut dalam perjalanan mereka ke China.¹¹⁶

Pada tahun 1859, Gabenor Negeri-Negeri Selat telah mengesyorkan tentang kedudukan garisen di koloni.¹¹⁷ Ia terdiri daripada:-

- 3 Battery of Artillery
- 1 Regiment of European Artillery
- 2 Regiment of Native Infantry

Sementara pentadbiran British di India telah meluluskan perbelanjaan sebanyak \$1,600 Sepanyol untuk membina berek-berek baru di Fort Fullerton bagi menempatkan pasukan pertahanan di Pulau Singapura.¹¹⁸ Pada tahun berikutnya, berek-berek artileri di Fort Canning pula sedang giat dibina. Ia menempatkan dua *companies of European Artillery*, manakala berek-berek di Tanglin pula akan didiami oleh pasukan *European Infantry Regiment*.¹¹⁹ Beberapa buah bangunan di Fort Canning telah diubahsuai untuk dijadikan sebagai hospital tentera pada tahun 1862.¹²⁰

Pada awal tahun 1860-an juga, kuasa Imperial di England telah memilih Singapura sebagai *Head Quarters* bagi anggota-anggota tentera yang bertugas di koloni-koloni British di rantau ini.¹²¹ Peranan pasukan garisen semakin penting daripada semasa berada di bawah kelolaan Syarikat Hindia Timur Inggeris. Kekuatan utama garisen dipikul oleh pasukan *European Corps* yang terdiri daripada :-

- 1 European & Native Company of Artillery
- 1 European & Native Corps of Infantry of the line

Pasukan berkenaan dihantar berkhidmat ke Singapura, Pulau Pinang, Melaka dan Labuan. (Lihat halaman berikut)

SINGAPURA
(Head Quarters)

Artileri
H.Q. European Company
H.Q. Native Company

Infantri
European Regiment
H.Q. Native Regiment

PULAU PINANG

Artileri
Detachment of European Company
H.Q. Native Company

Infantri
H.Q. Native Regiment

MELAKA

Artileri
Detachment of troops from Native Company

Infantri
Detachment of troops from Native Regiment

LABUAN

Artileri
Detachment of troops from Native Company

Infantri
Detachment of troops from Native Regiment

Sumber : CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.

Cadangan dan perancangan ini dibuat berdasarkan kepada kedudukan serta peranan Pulau Singapura dan wilayahnya sebagai pusat perdagangan, perkhidmatan pelabuhan yang efisien, lokasi strategik dan peranannya sebagai depot arang batu Imperial. Dalam satu memorandum oleh *Singapore Chamber of Commerce* yang dikeluarkan pada tahun 1861 menyatakan bahawa Singapura merupakan anak kunci kepada Lautan China, India dan Jawa. Dengan itu, Singapura juga boleh bertindak sebagai sebuah pengkalan yang menjadi lokasi pergerakan tentera Imperial di Negeri-Negeri Selat.¹²²

Menurut H. Robinson, pasukan garisen memainkan peranan yang penting untuk mempertahankan kewibawaan Imperial daripada sebarang kemungkinan pencabulan kuasa-kuasa asing ke atas empayar British di Timur terutamanya Negeri-Negeri Selat. Keselamatan kepentingan perdagangan dan arang batu di Singapura perlu diberikan tumpuan. Dengan itu tambah beliau lagi, garisen Negeri-Negeri Selat perlu terdiri daripada pasukan artileri dan infantri serta diagih-agihkan ke Singapura, Pulau Pinang dan Melaka.¹²³

Singapura	2 Batteries of Artillery 6 Companies of Native Infantry
Pulau Pinang	$\frac{2}{3}$ Batteries of Artillery 3 Companies of Native Infantry
Melaka	$\frac{1}{3}$ Batteries of Artillery 1 Company of Native Infantry

Alasan lain bagi penyelenggaraan garisen ialah keselamatan penduduk-penduduk warganegara British di Singapura. Keamanan penduduk Singapura pertama kali dicabar oleh peristiwa huru-hara akibat pergaduhan para penduduk berbangsa Cina di pulau tersebut pada bulan Mei 1854. Pergaduhan ini telah menyebabkan berlakunya keganasan selama satu minggu. Akibatnya aktiviti perdagangan di pulau tersebut lembap dan hampir lumpuh.¹²⁴ Peristiwa tersebut telah memberi pengajaran kepada pihak perancang pertahanan Singapura agar lebih berwaspada dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menghadapi peristiwa itu sekali lagi. Di samping itu, Peperangan Crimean di Eropah turut sama menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan di kalangan masyarakat di Singapura. Syarikat Hindia Timur Inggeris selama ini kurang mengambil berat terhadap keselamatan warganegara British di Singapura serta kekecohan dalam negeri. Tambahan pula, pentadbiran British di India telah menjadikan Singapura sebagai tempat tampungan para penjenayah. Faktor-faktor ini menyebabkan *Public Meeting* yang diadakan pada 8hb. Julai 1854 telah memutuskan mengenai penubuhan pasukan *Volunteer* di Singapura. Pasukan ini diharap dapat bertindak dengan segera untuk menangani kemungkinan berulangnya insiden yang sama di Singapura.¹²⁵

Ketika penubuhan pasukan tersebut, bilangan anggotanya adalah seramai 61 orang. Gabenor telah dipilih menjadi Kolonel pertama

bagi pasukan tersebut. Sementara itu, Kapten R. McPhearson dari *Madras Artillery* pula dilantik menjadi komandannya. Ia merupakan kor *Volunteer* pertama yang didaftarkan di India.

2.5 Mengawal Kemasukan Ubat Bedil Dan Persenjataan

Pelabuhan Singapura menjalankan aktiviti perdagangan senjata dan ubat bedil. Pentadbiran British di Singapura sedar bahawa penjualan senjata dan ubat bedil secara bebas di pelabuhan boleh mengancam keselamatan perdagangan di pulau itu sendiri. Maka mereka perlu mengambil langkah keselamatan yang tegas agar sesuatu yang buruk tidak berlaku akibat lambakan barang tersebut di pelabuhan. Peraturan telah digubal dan diisyiharkan untuk menjamin keselamatan perdagangan.

Pada 8hb. Ogos 1826, satu *Government Advertisement* berkenaan kemasukan *Fire Arms* dan *Warlike Stores* ke Pelabuhan Singapura telah dikeluarkan. Perkara kemasukan persenjataan dan ubat bedil ini bertentangan dengan usaha mengawal urusan perdagangan yang membabitkan kedua-dua barang itu. Pengimportan dan perdagangan senjata tanpa lesen merupakan satu kesalahan. Komander-komander kapal dan individu atau pedagang diminta memberikan perhatian terhadap perkara ini.

Mulai tarikh tersebut, semua *European Military Stores* yang diimport ke Singapura tanpa kebenaran atau lesen yang dikeluarkan oleh

The Honourable Court of Directors akan dirampas. Mereka yang terlibat dalam kegiatan yang dilarang itu akan dihukum.¹²⁶ Pihak berkuasa di Singapura bimbang urusan jual beli dan perdagangan senjata yang bebas di pelabuhan pulau tersebut membolehkan lanun-lanun mendapatkan bekalan senjata dan ubat bedil secara mudah dan murah. Kebebasan perdagangan barang ini boleh menyebabkan aktiviti melanun menjadi bertambah serius. Maka, langkah demikian wajar diambil demi menjaga keselamatan para pedagang yang menjalankan urusan jual beli di Pelabuhan Singapura.¹²⁷

Jadual 2.5 : Menunjukkan jumlah import *Military Stores* dengan menggunakan *square rigged vessels* dan *Native Craft* dari tahun 1823 sehingga 1826 dalam nilai dolar Sepanyol.

Tahun	Square rigged vessels	Native Craft
1823	18,750	14,086
1824	176,132	17,184
1825	67,369	32,165
1826	14,150	5,965

Sumber : SSFR (IOL, Vol. 111) : E. Presgrave kepada W. Crocroft, 9 Ogos 1826, f. 631.

Jumlah *Military Stores* ini sebahagiannya dieksport ke Manila, Sumatera, negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu.¹²⁸

Pada tahun 1854, kapal-kapal yang membawa muatan ubat

bedil yang berlabuh di Pelabuhan Singapura dikehendaki mengibarkan bendera yang tertentu sebagai pengenalan. Kapal ini hanya dibenarkan berlabuh di kawasan yang dikhaskan, yang terletak agak jauh dari pantai dan kapal-kapal dagang lain berlabuh.¹²⁹

Peraturan-peraturan yang sebegini sebenarnya merupakan antara langkah keselamatan yang dilaksanakan di Pulau Singapura. Ini penting kerana sebagai sebuah pelabuhan yang sentiasa dikunjungi ramai, Singapura tidak dapat lari daripada menjadi sasaran pihak musuh. Secara tidak langsung, peraturan yang dilaksanakan di pulau pelabuhan ini diharap dapat mencegah sebarang kemungkinan buruk yang mungkin berlaku di pelabuhan itu sendiri.

2.6 Kesimpulan

Faktor pertahanan adalah salah satu isu utama bagi Singapura. Pulau ini amat penting kepada pihak Kolonial dan Imperial. Maka, ia perlu dilindungi bagi menjamin keselamatan aktiviti perdagangan yang berlangsung dan berkembang pesat di pulau tersebut. Perlaksanaan kerja-kerja pertahanan ini melibatkan perbelanjaan yang besar, Justeru, soal perbelanjaan pertahanan menjadi perkara yang penting antara tiga pihak iaitu, Singapura, Syarikat Hindia Timur Inggeris di India dan Imperial di England.

Perlaksanaan kerja-kerja pertahanan di Singapura bergantung kepada keputusan perbelanjaan atau kos pembelaannya yang diputuskan oleh pentadbiran British di India. Banyak pelan pertahanan yang dirangka oleh pegawai-pegawai tentera British tidak dapat atau lambat dilaksanakan berikutan keengganan pihak pentadbiran di India meluluskan projek-projek tersebut.

Para pedagang telah menggesa pentadbiran British di India agar lebih memberikan tumpuan terhadap keselamatan Singapura. Mereka bimbang aktiviti perdagangan dan pelabuhan akan terancam dengan keadaan pertahanan yang lemah di pulau itu. Mereka juga beranggapan bahawa pentadbiran di India hanya berminat menjadikan pulau tersebut sebagai pusat tampungan para penjenayah yang dibawa dari pelabuhan-pelabuhan di Benua India, Burma, Ceylon dan China.¹³⁰ Rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran British di India dan faktor keselamatan serta sumbangan pertahanan yang membebankan ke atas Negeri-Negeri Selat menyebabkan para pedagang Singapura menghantar petisyen kepada Parlimen British di England. Ini akhirnya telah membawa kepada perpindahan pentadbiran koloni dari India ke London pada 1hb. April 1867.

Perjalanan masa, aktiviti perdagangan dan perubahan dalam teknologi pelayaran memuncakkan kelebihan Pulau Singapura sebagai pengkalan arang batu Imperial yang utama dalam laluan pelayaran dari

India ke Timur Jauh. Jika Singapura jatuh ke tangan musuh, ia merupakan satu kerugian kepada mereka. Ia bukan sahaja menggugat kewibawaan empayar British tetapi juga menyebabkan satu kehilangan yang besar dalam pendapatan England. Di samping itu, ia boleh melumpuhkan operasi angkatan laut Imperial di Timur.

Kedudukan Singapura sebagai satu pemilikan harta yang lumayan, pasti menjadi tarikan dan potensi mangsa kepada serangan pihak musuh. Pihak *Chamber of Commerce* melahirkan rasa terkilan mereka seandainya pihak Kerajaan British di England membiarkan sahaja pulau ini tanpa melaksanakan sebarang inisiatif dalam program pertahanannya. Mereka meminta agar pentadbiran England memberikan perhatian yang serius ke atas faktor pertahanan dan keselamatan Pulau Singapura. Perkara ini penting terutamanya ketika kuasa-kuasa Eropah lain di Timur menggerak dan membangunkan angkatan laut dan tentera mereka di Timur Jauh.¹³¹

Kehadiran musuh Imperial seperti Perancis dan kuasa saingan maritim seperti Belanda di rantau ini turut menggesa kepada perlaksanaan kerja-kerja pertahanan. Pihak Imperial perlu berwaspada dengan kerja-kerja pertahanan yang giat dibangunkan oleh kuasa-kuasa ini. Tidak dapat diragukan faktor ini menyebabkan timbulnya keperluan memperlengkapkan persenjataan dan pertahanan Pulau Singapura. Ia bertujuan untuk mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah pusat

komersial dan sebuah kubu pertahanan. Namun begitu, pihak perancang pertahanan British merasakan bahawa pertahanan pulau tersebut masih lemah. Pulau Singapura kurang bersedia menghadapi sebarang kemungkinan kerana kekurangan senjata. Tambahan lagi bilangan tentera yang ditempatkan di stesen ini dikatakan belum mencukupi.¹³²

Pihak Perancis di Kochin-China mempunyai stesen angkatan tentera yang kuat di Saigon. Pada tahun 1862, jumlah angkatan tentera Perancis di negara tersebut adalah seramai 4,000 orang. Seperti kedudukan Singapura kepada British, Saigon juga merupakan stesen utama Perancis di rantau ini. Ia tidak sahaja penting sebagai sebuah pelabuhan komersial, malah mula membangun sebagai pengkalan angkatan laut dan tentera Perancis di Timur.¹³³ Pelabuhan ini dalam dan boleh dimasuki oleh kapal besar sejauh hampir 60 batu dari muara Sungai Mekong. Di samping itu, Pulau Condor yang juga di bawah pengaruh Perancis merupakan sebuah pelabuhan yang baik. Secara tidak langsung, sebenarnya Perancis turut sama menguasai laluan utama dalam *China Trade*.¹³⁴ Oleh itu, Singapura perlu memastikan keselamatannya sentiasa berada di tahap yang maksimum. Sementara kemudahan-kemudahan pelabuhan dan perkhidmatan perkapalan yang ditawarkan adalah yang terbaik untuk menandingi sebarang saingan dengan pelabuhan-pelabuhan kuasa kolonial yang lain.

Tambahan lagi, laluan laut utama dan kedudukan strategik di rantau ini dikuasai oleh empat kuasa penjajah iaitu British, Belanda, Sepanyol dan Perancis. Setiap kuasa tersebut mempunyai pusat atau stesen tenteranya untuk menghadapi sebarang kemungkinan perang dan serangan pihak musuh. Merujuk kepada perkara berkenaan, pihak British di England perlu memperkuatkan pertahanan di Singapura dalam usaha mengekalkan kewibawaan empayar mereka di rantau ini.

Nota kaki

1. **Singapore Free Press**, 4 Sept. 1849.
2. Mohammad Raduan B. Mohd Ariff, " Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Udang : Satu Kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990", Tesis Kedoktoran, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1993, hal. 121.
3. **Singapore Free Press**, 17 Ogos 1848.
4. **Singapore Free Press**, 4 Sept. 1849.
5. **Singapore Free Press**, 29 Dis. 1864.
6. D.C. Boulger, **The Life of Sir Stamford Raffles**, London, Horace Marshall and Son, 1897, hal. 309.
7. T.S. Raffles, "The Founding of Singapore", 150th Anniversary of The Founding of Singapore, MBRAS, Singapore, Times Printers, 1973 hal. 90.
8. SSFR (IOL, Vol. 153) : J. Prince kepada J. Anderson, 7 Apr. 1827, ff. 13-29.
9. SSFR (RNLA, series A-Z, W.21) : "The Memorial of Undersigned Merchants, Traders and other inhabitants of Singapore" kepada Gov. Gen. of India in Council, 30 Mei 1855, (tiada nombor folio).
10. SSFR (RNLA, series A-Z, L.9) : G. Mathew kepada Residen Singapura, 16 Okt. 1821, ff. 14-18.
11. SSFR (RNLA, series A-Z, L.9) : J. Rutherford kepada Residen Singapura, 31 Jul. 1822, ff. 47-49.
12. SSFR (RNLA, series A-Z, L.9) : T. Salmon, Wallich kepada S. Raffles, 23 Okt. 1822, ff. 62-67.
13. SSFR (IOL, Vol. 154) : E. Lake kepada Setiausaha Kerajaan di Singapura, 28 Mei 1827, ff. 286-297.

Nota kaki

1. **Singapore Free Press**, 4 Sept. 1849.
2. Mohammad Raduan B. Mohd Ariff, " Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Udang : Satu Kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990", Tesis Kedoktoran, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1993, hal. 121.
3. **Singapore Free Press**, 17 Ogos 1848.
4. **Singapore Free Press**, 4 Sept. 1849.
5. **Singapore Free Press**, 29 Dis. 1864.
6. D.C. Boulger, **The Life of Sir Stamford Raffles**, London, Horace Marshall and Son, 1897, hal. 309.
7. T.S. Raffles, "The Founding of Singapore", 150th Anniversary of The Founding of Singapore, MBRAS, Singapore, Times Printers, 1973 hal. 90.
8. SSFR (IOL, Vol. 153) : J. Prince kepada J. Anderson, 7 Apr. 1827, ff. 13-29.
9. SSFR (RNLA, series A-Z, W.21) : "The Memorial of Undersigned Merchants, Traders and other inhabitants of Singapore" kepada Gov. Gen. of India in Council, 30 Mei 1855, (tiada nombor folio).
10. SSFR (RNLA, series A-Z, L.9) : G. Mathew kepada Residen Singapura, 16 Okt. 1821, ff. 14-18.
11. SSFR (RNLA, series A-Z, L.9) : J. Rutherford kepada Residen Singapura, 31 Jul. 1822, ff. 47-49.
12. SSFR (RNLA, series A-Z, L.9) : T. Salmon, Wallich kepada S. Raffles, 23 Okt. 1822, ff. 62-67.
13. SSFR (IOL, Vol. 154) : E. Lake kepada Setiausaha Kerajaan di Singapura, 28 Mei 1827, ff. 286-297.

14. CO 273/8 : H. Robinson kepada Pejabat Perang, 30 Jul. 1864, desp. (tiada nombor), ff. 488-543.
15. C.A.Gibson Hill, **Singapore Old Straits and New Harbour**, Memoirs of the Raffles Museum, No. 3, Singapore, Government Printing Office, 1956, hal. 95.
16. C.A. Gibson Hill, **Op. Cit.**, hal. 13.
17. CO 273/285 : Crown Agent kepada Gabenor, Feb. 1902, f. 3.
18. C.A. Gibson Hill, **Op. Cit.**, hal. 103.
19. Makepeace Brooke Braddell, **One Hundred Years of Singapore**, Vol. 2, Singapore, Oxford University Press, 1991, hal. 1.
20. **Ibid.**, hal. 2.
21. **Ibid.**
22. SSFR (RNLA, series A-Z, T.4), : O. Cavenagh kepada Setiausaha Kerajaan di Bombay, 19 Apr. 1860, f. 271.
23. Yusrina Yahaya, "Tenaga Di Singapura (1819-1941). Dari Angin Ke Arang Batu Ke Petroleum", Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1993/94, hal. 77.
24. C.B. Buckley, **Anecdotal History of Old Times**, Singapore, University Malaya Press, 1965, hal. 170-171.
25. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
26. SSFR (RNLA, series A-Z, A.65) : Inspector General kepada Setiausaha Kerajaan di Fort Cornwallis, 30 Apr. 1829, ff. 152-155.
27. SSFR (RNLA, series A-Z, A.65) : Minit oleh R. Fullerton, 22 Mei 1829, ff. 156-158.
28. SSFR (RNLA, series AA-FF, FF.11) : Pemangku Setiausaha Kerajaan India kepada Gabenor, 11 Okt. 1860, f. 294.
29. SSFR (RNLA, series AA-FF, FF.11), : Pemangku Setiausaha Kerajaan India kepada Gabenor, 6 Dis. 1860, f. 302.

30. SSFR (RNLA, series AA-FF, FF.15) : Setiausaha Kerajaan India kepada Gabenor, 2 Jul. 1862, f. 16.
31. CO 273/8 : H. Robinson kepada Kerajaan India, 25 Jan. 1864, desp. (tiada nombor), f. 338.
32. Tiada peta atau rajah yang spesifik ditemui berkenaan kerja pertahanan ini sepanjang penyelidikan dijalankan.
33. Tiada peta atau rajah yang spesifik ditemui berkenaan kerja pertahanan ini sepanjang penyelidikan dijalankan.
34. SSFR (IOL, Vol.38) : Gabenor kepada Setiausaha Kerajaan India, 22 Okt. 1863, f. 22.
35. CO 273/163 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
36. Ibid.
37. C.M. Turnbull, **A History Of Singapore 1819-1975**, Singapore, Oxford University Press, 1977, hal. 9.
38. SSFR (RNLA, series A-Z, A.33) : J.Prince kepada J. Anderson, 10 Mac 1827, ff. 345-351.
39. C.E. Wurtzburg, **Raffles Of The Eastern Isles**, Singapore, Oxford University Press, 1984, hal. 523.
40. Ibid., hal. 514.
41. SSFR (RNLA, series A-Z, B.5) : J.A. Bannerman kepada The Honourable Court of Directors for the Officers of the United Company of Merchants of England, Trading to the East India, London, 1 Jul. 1819, ff. 143-166.
42. C.B. Buckley, **Op. Cit.**, hal. 168.
43. G.M. Reith, **Handbook To Singapore**, London, Oxford University Press, 1985, hal. 5.
44. SSFR (RNLA, series A-Z, A.39) : J. Prince kepada J. Anderson, 7 Sept. 1827, ff. 140-149.
45. T.S. Raffles, **Op Cit.**, hal. 89.

46. SSFR (RNLA, series A-Z, B.7) : Declaration of War, 10 Sept. 1823, ff. 75-76.
47. SSFR (RNLA, series A-Z, A.42) : Minit oleh R. Fullerton, 26 Mei 1826, f. 3.
48. SSFR (RNLA, series A-Z, L.19) : Pemangku Setiausaha Governor General in Council kepada W. Farquhar, 30 Mei 1823, ff. 84-85.
49. SSFR (IOL, Vol. 163) : D. Ross kepada R. Ibbetson, 2 Jun 1827, ff. 19-23.
50. SSFR (RNLA, series A-Z, V.2) : Setiausaha Kerajaan kepada Setiausaha Pertahanan Gabenor, 26 Mei 1827, f. 90.
51. SSFR (IOL, Vol. 163) : Minit oleh R. Fullerton, 26 Mei 1827, f. 2.
52. SSFR (RNLA, series A-Z, V.2) : Setiausaha Kerajaan kepada Setiausaha Pertahanan Gabenor, 26 Mei 1827, f. 90.
53. SSFR (RNLA, series A-Z, V.2) : Setiausaha Kerajaan kepada Residen Kaunselor Singapura, 18 Jun 1827, ff. 125-126.
54. SSFR (IOL, Vol. 163) : Minit oleh R. Fullerton, 26 Mei 1827, f. 2.
55. SSFR (RNLA, series A-Z, A.43) : R. Fullerton kepada Governor General in Council, 26 Mei 1827, f. 1.
56. SSFR (RNLA, series AA-FF, BB.11) : E. Lake kepada Residen Kaunselor Singapura, 28 Sept. 1827, f. 102.
57. SSFR (RNLA, Vol. 154) : E. Lake kepada Setiausaha Kerajaan di Singapura, 28 Mei 1827, ff. 286-297.
58. SSFR (RNLA, series A-Z, S.21) : Secretary to the Government of India in the Military Dept. kepada Gabenor Pulau Pinang, Singapura dan Melaka, (tiada tarikh dicatatkan), f. 44.
59. SSFR (RNLA, series A-Z, W.8) : Minit oleh Tweedale, "Defence of the Town", (tiada tarikh dan nombor folio dicatatkan).
60. SSFR (IOL, Vol. 154) : E. Lake kepada Setiausaha Kerajaan di Singapura, 28 Mei 1827, ff. 286-297.

61. SSFR (IOL, Vol. 154) : P. Jackson kepada E. Lake, 13 Mei 1827, ff. 298-300.
62. SSFR (RNLA, series A-Z, W. 8) : E. Lander (Pemangku Setiausaha Kerajaan India Jabatan Pertahanan), 11 Ogos 1843, (tiada nombor folio).
63. SSFR (RNLA, series A-Z, W.9) : Best kepada Butterworth, (tiada tarikh dan nombor folio dicatatkan), No. 13.
64. Ibid.
65. SSFR (RNLA, series A-Z, W.18) : McPhearson kepada Pemangku Gabenor, 22 Dis. 1852, f. 155.
66. Tiada peta atau rajah yang spesifik ditemui berkenaan kerja pertahanan ini sepanjang penyelidikan dijalankan.
67. SSFR (RNLA, series AA-FF, BB.88) : J. Thompson kepada T. Church, 28 Ogos 1852, (tiada nombor dan nombor folio).
68. SSFR (RNLA, series A-Z, W.29) : Pemangku Setiausaha Gabenor kepada Residen Kaunselor Singapura, 17 Mac 1855, ff. 22-23.
69. Tiada peta atau rajah yang spesifik ditemui berkenaan kerja pertahanan ini sepanjang penyelidikan dijalankan.
70. CO 273/2 : "Report on the sea coast defences of Singapore", oleh G.C. Collyer, 17 Jul. 1858, ff. 95-124.
71. Ibid.
72. Ibid.
73. Ibid.
74. SSFR (RNLA, series A-Z, V.33) : Setiausaha Gabenor kepada The Brigadier Commanding the Troops in the Straits, 5 Okt. 1860, ff. 423-427.
75. Ibid.
76. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
77. CO 273/8 : H. Robinson kepada Pejabat Perang, 30 Jul. 1864, ff. 488-543.

78. **Ibid.**
79. SSFR (RNLA, series A-Z, L.19) : J. Crawford kepada Major Murray (Commandant), 27 Ogos 1823, ff. 205-206.
80. C.B. Buckley, **Op. Cit.**, hal. 195.
81. SSFR (RNLA, series A-Z, N.1), R.61 : J. Anderson kepada J. Prince, 7 Dis. 1826, f. 6.
82. N. Tarling, **Piracies and Politics in the Malay World**, Singapore, Donald Moore Gallery, 1963, hal. 26.
83. SSFR (RNLA, series A-Z, N. 1) : J. Prince kepada J. Anderson, 27 Jan. 1827, ff. 70-73.
84. SSFR (RNLA, series AA-FF, AA.12) : Residen Kaunselor Singapura kepada Gabenor, Mac 1841, f. 25.
85. N. Tarling, **Op. Cit.**, hal. 69.
86. D.G.E. Hall, **Sejarah Asia Tenggara**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hal. 637.
87. SSFR (RNLA, series A-Z, R.3) : K. Murchinson kepada H. Torrens, 15 Apr. 1836, f. 332.
88. SSFR (RNLA, series AA-ZZ, AA.7) : Residen Kaunselor Singapura kepada G. Bonham, 21 Apr. 1835, ff. 43-48.
89. SSFR (RNLA, series A-Z, R.5) : G. Bonham kepada Setiausaha Kerajaan Fort William, 15 Jun 1838, f. 9.
90. C.B. Buckley, **Op. Cit.**, hal. 281.
91. **Ibid.**, hal. 347.
92. **Ibid.**, hal. 388.
93. **Ibid.**, hal. 418.
94. SSFR (RNLA, series A-Z, S.11) : J.R. Davidson kepada J.F. Halliday, 4 Mei 1844, f. 88.
95. **Singapore Free Press**, 6 Okt. 1848.

96. SSFR (RNLA, series AA-FF, AA.27) : T. Church kepada R. Church, 27 Apr. 1853, f. 75.
97. SSFR (RNLA, series AA-FF, BB.91) : Commandant HM Sloop Bitern kepada Residen Kaunselor Singapura, 26 April, 1853, f. 91.
98. SSFR (RNLA, series A-Z, S.30) : Residen Kaunselor Singapura kepada Kapten Steward ("Hooghly"), 18 Mei 1853, (tiada nombor folio).
99. SSFR (RNLA, series A-Z, S.30) : Setiausaha Kerajaan India kepada O. Cavenagh, 2 Ogos 1862, f. 156.
100. SSFR (RNLA, series A-Z, U.41) : Secretary to the Governor kepada Residen Kaunselor Singapura, 4 Ogos 1860, ff. 105-107.
101. SSFR (RNLA, series A-Z, U.30) : Secretary to the Governor kepada Residen Kaunselor Singapura, 11 Apr. 1856, f. 81.
102. SSFR (IOL, Vol. 32) : Setiausaha Kerajaan India Jabatan Pertahanan kepada Gabenor, f. 62.
103. SSFR (RNLA, series AA-FF, AA.27) : T. Church kepada Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Selat, 27 Apr. 1853, f. 75.
104. SSFR (RNLA, series A-Z, R.28) : E.A. Blundell kepada Foreign Dept., 1 Dis. 1855, ff. 255-264.
105. No. 13, Military Contributions, dalam SSLCP, 20 Okt. 1892, C. 257 - C. 262.
106. SSFR (RNLA, series A-Z, L.9) : W. Farquhar kepada S. Raffles, 8 Nov. 1822, f. 130.
107. SSFR (RNLA, series A-Z, L.9) : Residen Kaunselor kepada L.N. Hull (Pemangku Setiausaha Negeri-Negeri Selat), 23 Nov. 1822, ff. 261-264.
108. SSFR (IOL, Vol.160) : Officer in Charge of Public Works kepada Timbalan Residen Singapura, 9 Jun 1829, f. 572.
109. SSFR (RNLA, series A-Z, R.5) : G. Bonham kepada Col. W. Casement, 16 Jun 1838, f. 13.

110. SSFR (RNLA, series A-Z, S.8) : Setiausaha Kerajaan India Fort William kepada G. Bonham, Mac 1841, f. 40.
111. SSFR (RNLA, series A-Z, W.8) : Quarter Master General of Army kepada Officer Commanding Penang, 10 Apr. 1843, no.903 (tiada nombor folio).
112. SSFR (RNLA, series A-Z, S.10) : Officiating to the Govt. of India Military Dept. kepada Gabenor, 14 Jul. 1843, f. 71.
113. SSFR (RNLA, series A-Z, S.11) : Under Secretary to the Govt. of India kepada Gabenor, 18 Mei 1844, f. 86.
114. SSFR (RNLA, series A-Z, T.4) : E.A. Blundell kepada Setiausaha Kerajaan Fort St. George, 12 Okt. 1857, f. 185.
115. SSFR (RNLA, series A-Z, V.24) : E.A. Blundell kepada Colonel Commanding Troops in the Straits, 23 Dis. 1857, f. 42.
116. SSFR (RNLA, series A-Z, S.28) : Officiating Secretary to the Government of India kepada Gabenor, 14 Apr. 1860, f. 34.
117. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
118. SSFR (RNLA, series A-Z, W.31) : Chief Engineer S.S. kepada Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Selat, 18 Ogos 1859, f. 419.
119. SSFR (RNLA, series A-Z, R.38) : O. Cavenagh kepada Setiausaha Kerajaan India Fort William, 13 Nov. 1860, ff. 96-98.
120. SSFR (RNLA, series A-Z, V.3) : Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Brigadier Commanding Troops in the Straits, 3 Jul. 1862, ff. 278-280.
121. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
122. Ibid.
123. CO 273/8 : H. Robinson kepada Pejabat Perang, 30 Jul. 1864, f. 499.

124. G.M. Reith, **Handbook To Singapore**, London, Oxford University Press, 1985, hal. 13.
125. SSFR (RNLA, series A-Z, R.28) : Gabenor Butterworth kepada Setiausaha Kerajaan India Fort Wiliam, 19 Mac 1855, f. 174.
126. SSFR (IOL, Vol.111) : E. Presgrave dalam Government Advertisement, 8 Ogos 1826,, f. 631.
127. Ibid.
128. SSFR (IOL, Vol.111), : E. Presgrave kepada W. Crocroft, 9 Ogos 1826, f. 631.
129. SSFR (IOL, Vol.18) : Secretary Chamber of Commerce kepada E.A. Blundell, 24 Dis. 1854, f. 158.
130. **Singapore Free Press**, 29 Dis. 1864.

131. SSFR (RNLA, series A-Z, Vol.T.2) : Gabenor kepada Setiausaha Kerajaan Fort St. George, 11 Jan. 1860, f. 265.
132. Ibid.
133. CO 273/6 : J.W. Reid (Master in Command and in Charge of China Sea Survey) kepada Rear Admiral Washington (Hydrographer to the Admiralty), 3 Dis. 1862, dalam Extract Military Proceeding for August 1864, ff. 612-613.
134. Ibid.